

PERCUMA



buletin Mutiara



1 – 15 Disember 2011

Selamat Menyambut Hari Natal. Ikhlas Daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Program Anak Emas – bayaran RM200 ‘one-off’ pada 1 Jan. 2012

Oleh: ZULIANA AZIZ

GEORGE TOWN – “Sumbangan yang amat dinanti-nantikan! Suatu penghargaan yang amat bermakna kepada kami sekeluarga yang lahir, membesar dan mengembangkan zuriat di negeri Pulau Mutiara. Duit RM200 ini boleh digunakan untuk membuka buku akaun simpanan untuk anak saya yang saya percaya boleh membantunya di masa hadapan,” begitulah perungkapan oleh seorang bapa kepada dua orang cahaya mata, Muhammad Salleh Nagoor Ghani, 32, ketika diminta mengulas mengenai Program Sumbangan Anak Emas Pulau Pinang yang julung kali diadakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat berjiwa rakyat.

Semua ibu bapa di negeri ini boleh menarik nafas lega apabila sumbangan Program Anak Emas Pulau Pinang bernilai RM100 sebelum ini telah dinaikkan kepada RM200. Pengumuman telah dibuat oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, baru-baru ini.



YUSNITA Yusop bersama anaknya.

Menurut Ketua Menteri, bayaran pertama Program Anak Emas Pulau Pinang akan dibuat pada 1 Januari 2012 kepada anak-anak yang dilahirkan sepanjang tahun 2011 terlebih dahulu.

Program ini telah diwujudkan ekoran permintaan banyak pihak apabila sumbangan diberi kepada warga emas berumur 60 tahun dan ke atas di atas jasa bakti mereka kepada negeri ini. Sumbangan bagi Program Anak Emas ini juga merupakan inisiatif khas Kerajaan Negeri bagi menghargai anak-anak baru kelahiran Pulau Pinang dan diharap dapat menjadi pembakar semangat generasi muda dalam memajukan negeri ini di masa hadapan.

Bagi ibu kepada seorang cahaya mata perempuan, Yusnita Yusop, 28, walaupun beliau telah terlepas peluang kerana anaknya dilahirkan pada 2010, namun, beliau amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mewujudkan program-program yang memperkasakan hak rakyat.

“Memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat, saya merasakan keputusan Ketua Menteri untuk menambah jumlah bantuan dari RM100 kepada RM200 amat tepat sekali. Sedikit sebanyak wang yang diberikan dapat membantu para ibu bapa membuat persediaan awal menyambut kelahiran bayi mereka,” ujar beliau kepada wartawan Buletin Mutiara.

MUHAMMAD Salleh Nagoor Ghani bersama keluarga.



HANAFIAH Saad (kanan sekali) menerima Anugerah Bapa Mithali daripada Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri (kiri sekali) sempena Sambutan Maal Hijrah 1434H sambil diperhatikan oleh Datuk Abdul Halim Hussain (dua dari kiri) dan Datuk Mokhtar Mohd. Jait (dua dari kanan) di sini baru-baru ini. Gambar oleh Law Suun Ting. Berita di muka 8.

Program Anak Emas DAFTARLAH SEKARANG DI PEJABAT ADUN ANDA!

- Salah seorang ibu atau bapa merupakan pengundi berdaftar di Pulau Pinang.
- Dilahirkan pada 1hb. Januari 2011 ke atas.



DAVID Johnston (tengah) berjalan melalui barisan kawad menuju ke pesawat peribadi beliau selepas selesainya lawatan dua hari ke negeri Pulau Pinang.

Lawatan Gabenor Jeneral Kanada penghormatan kepada Pulau Pinang

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Gabenor Jeneral Kanada, Y.A.B. David Johnston bersama-sama beberapa orang delegasi telah mengadakan lawatan diplomatik ke Pulau Pinang baru-baru ini.

Lawatan dua hari tersebut disambut mesra oleh Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas bersama Toh Puan dan juga Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng bersama barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Malah, beliau turut dibawa melawat ke kilang RIM BlackBerry di Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah dan turut menyampaikan ucaptama “Diplomasi Ilmu: Pendidikan dan Globalisasi Dalam Abad ke-21” di Universiti Sains Malaysia, di sini.

Dalam pada itu, Johnston turut mengadakan lawatan ke Gereja Anglican St. George bersama-sama beberapa orang delegasi.

Johnston dan delegasi turut diraikan oleh Abdul Rahman dalam sebuah majlis rasmi yang diadakan di Hotel E&O di sini.



EXCO-exco dan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang bergambar kenangan bersama delegasi Gabenor Jeneral Kanada selepas lawatan ke gereja St. George's Anglican.



ABDUL Rahman Abbas bersalaman dengan David Johnston (kiri sekali) bersempena lawatan rasmi beliau ke negeri Pulau Pinang.



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG, Datuk Farizan Darus menyambut ketibaan David Johnston di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



DAVID Johnston melambai selamat tinggal sebelum memasuki pesawat peribadi beliau.



KETUA MENTERI bersama David Johnston (kiri) di majlis sidang akhbar di Hotel E&O.



KETUA MENTERI (kiri sekali) bersalaman dengan delegasi Gabenor Jeneral Kanada sambil diperhatikan David Johnston (dua dari kiri) di Hotel E&O.

Hubungan Pulau Pinang – Kanagawa makin utuh

Oleh: ZULIANA AZIZ

GEORGE TOWN – Satu perjanjian pembaharuan untuk kemakmuran antara Pulau Pinang dan wilayah Kanagawa, Jepun telah ditandatangani oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersama Gabenor Yuji Kuroiwa, di sini baru-baru ini.

Melalui semangat kejiranan dan persahabatan dalam ikatan tersebut, kerjasama dalam pembangunan dan kepentingan strategik yang lebih mendalam antara Pulau Pinang dan Kanagawa telah diperkuuh bagi melayani kepentingan asas kedua-dua negeri ini.

“Pulau Pinang dan Kanagawa mempunyai hubungan saudara dalam masa yang amat panjang. Tahun ini kita menyambut ulangtahun ke-20 hubungan tersebut,” kata Ketua Menteri pada majlis menandatangani perjanjian tersebut di pejabatnya baru-baru ini.

Sebelum ini, satu perjanjian telah ditandatangani



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Yuji Kuroiwa selepas selesainya Majlis Menandatangani Perjanjian Pembaharuan Untuk Kemakmuran Antara Pulau Pinang dan Wilayah Kanagawa, Jepun di Komtar baru-baru ini.

pada 3 Oktober 1991. Sejak dari itu, hubungan antara kedua-duanya menjadi lebih kukuh dan makmur.

Seramai lima orang delegasi termasuk Yuji telah mengadakan lawatan rasmi selama dua hari ke negeri ini bermula 21 November 2011.



TUAN Yang Terutama Yang diPertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas (kiri sekali) berjabat tangan dengan Yuji Kuroiwa sempena lawatan delegasi tersebut ke kediaman rasmi beliau.

Delegasi Jepun dibawa lawat Tapak Warisan Dunia George Town

GEORGE TOWN – Gabenor Yuji Kuroiwa serta empat delegasi lain dari Wilayah Kanagawa, Jepun dibawa ke Tapak Warisan Dunia George Town sempena lawatan delegasi tersebut ke sini.

Tinjauan rasmi yang diaturkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu diketuai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Phee Boon Poh.

Mereka dibawa melawat bangunan operasi Pusat Warisan Dunia George Town di Lebuh Pitt, di sini.

Di pusat tersebut, mereka diberi penerangan mengenai usahasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Organisasi Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dalam memelihara dan memulihara Tapak Warisan Dunia George Town.

Mereka turut dibawa menikmati keindahan seni bina Mughal di Masjid Kapitan Keling.

Dalam pada itu, mereka juga dibawa menikmati seni bina neoklasik dan Greek pada bangunan gereja St. George, di sini.

Tinjauan rasmi tersebut sebagai menghargai kerjasama erat antara wilayah Kanagawa dan George Town yang terjalin sejak dua dekad lalu.



YUJI Kuroiwa (depan, tengah) diiringi Pengurus Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh (depan, kanan sekali) dan Pemangku Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporate, Lim Chooi Ping (depan, kiri sekali) meninjau keindahan Masjid Kapitan Keling di sini.



KETUA Menteri, Yuji Kuroiwa (kanan sekali) dan Yang diPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Ar. Patahiyah Ismail (kiri sekali) bersama menanam sebatang pokok sambil diperhatikan Phee Boon Poh (dua dari kiri) di perkarangan luar bangunan Dewan Bandaraya, Padang Kota Lama.



BEBERAPA pegawai Suffolk Homes memberi penjelasan mengenai sejarah bangunan tersebut kepada Yuji Kuroiwa sempena lawatan beliau.

Dinamika mendampingi masyarakat setempat – JKKK perlu lebih efektif



JKKK Mahsuri yang dinobatkan sebagai JKKK Terbaik Daerah Barat Daya menerima sijil penyertaan daripada Mansor Othman (kiri sekali) sambil disaksikan oleh Abdul Halim Hussain (tengah).

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Jawatan kuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) disaran mewujudkan sebuah jalinan sistem mentor dalam kalangan sendiri bagi meningkatkan perkongsian urus tadbir, kaedah-kaedah pelaksanaan tugas dan aktiviti serta mampu berkongsi pengalaman dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat.

Saranan tersebut disuarakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di dalam

ucapannya sempena Majlis Anugerah JKKK Terbaik Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Beliau menambah, JKKK merupakan sebuah institusi yang menjadi sebahagian dari jentera pentadbiran Kerajaan Negeri di peringkat akar umbi bagi membantu Pulau Pinang menjadi sebuah negeri dinamik dan bersih bukan sahaja di peringkat tempatan, malah, di persada antarabangsa.

"Justeru, adalah menjadi harapan saya supaya JKKK di sini (Pulau Pinang) bukan sahaja mampu menjadi JKKK Terbaik di Pulau Pinang, malah

turut mampu menjadi contoh kepada semua JKKK di Malaysia," katanya di sini.

Pada tahun ini, sejumlah 34 JKKK daripada 289 JKKK telah mengambil bahagian berbanding tahun lalu, hanya 22 JKKK daripada 149 JKKK. Bagi tahun ini, terdapat dua JKKK telah dimansuhkan kerana berlaku pertindihan kawasan.

Antara JKKK yang memenangi Anugerah JKKK Terbaik adalah JKKK Kampung Melayu (Daerah Timur Laut), JKKK Mahsuri (Daerah Barat Daya), JKKK Lahar Yooi (Daerah Seberang Perai Utara), JKKK Taman Alma Jaya (Daerah Seberang Perai Tengah) dan JKKK Kepala Gajah (Daerah Seberang Perai Selatan). Setiap JKKK terbaik dianugerahkan dengan sijil penyertaan dan penghargaan, piala dan wang tunai berjumlah RM3,000.

Dalam majlis yang sama, institusi koperasi turut diberi penghargaan. Sejumlah sembilan koperasi dianugerahkan Koperasi Terbaik manakala sembilan yang lain dianugerahkan Koperasi Berpotensi.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim; Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Maktar Shapee dan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Shariff.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, turut menegaskan bahawa JKKK perlu berusaha memberi tumpuan kepada isu-isu fokal seperti kesihatan, keselamatan dan kepimpinan. Malah, JKKK juga perlu menjadi lebih efektif dan efisien dalam memastikan kedinamikan formula mendampingi masyarakat.

Guan Eng: Rakyat terima sumbangan KN tiap-tiap tahun, bukan 'one-off'

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

JAWI – Rakyat Pulau Pinang akan terus menikmati sumbangan daripada Kerajaan Negeri setiap tahun, bukan sekadar pemberian 'one-off' sebagaimana yang diamalkan oleh kerajaan pusat yang didakwa sempena pilihan raya sahaja, kata Ketua Menterinya Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.

"Yang penting peruntukan (sumbangan) yang kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) berikan kepada rakyat setiap tahun ini boleh dilihat, boleh dinikmati dan boleh disentuh setiap tahun, bukannya (sumbangan) 'one-off' (sekali sahaja) macam pemberian kerajaan pusat," ujar beliau malam tadi di perkarangan gelanggang bola keranjang, Perkampungan Jawi, di sini.

Beliau berkata, rakyat Pulau Pinang boleh menikmati kekayaan di negeri berkenaan kerana Kerajaan Negeri tidak mengamalkan rasuah, pembaziran serta kronisme sebagaimana yang didedah berlaku dalam kerajaan pusat belakangan ini.

"Kita boleh buat (beri sumbangan kepada rakyat) Pulau Pinang kerana kita (Pakatan Rakyat) diberi peluang (memerintah) dengan 'tak makan duit' (rasuah) rakyat. Sebab itu, keuntungan Kerajaan Negeri boleh dipulangkan

kepada rakyat, bukan kronikroni," ujar beliau di depan lebih 500 rakyat pelbagai kaum.

Warga emas yang mendaftar dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak dua tahun lepas telahpun diberi sumbangan RM100 setiap tahun.

Orang Kelainan Upaya (OKU) dan ibu tunggal yang didaftar dengan Kerajaan Negeri turut menerima sumbangan RM100 setiap tahun bermula tahun ini.

Bermula tahun depan pula, Kerajaan Negeri akan menambahkan satu lagi sumbangan terus RM100 setiap tahun, iaitu kepada pelajar Tingkat 1, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 yang didaftar dengan Kerajaan Negeri.

ANTARA rakyat Pulau Pinang hadir pada Malam Penerangan oleh Ketua Menteri baru-baru ini.



1, Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 yang didaftar dengan Kerajaan Negeri.

"Saya fikir rakyat lebih bersedia menerima sumbangan (Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekarang)

tiap-tiap tahun, bukannya lima tahun sekali," ujar beliau sambil menyeri rakyat untuk terus memperkuuh sokongan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekarang.

GEORGE TOWN – Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mempersoalkan mengenai keputusan Kerajaan Persekutuan untuk melanjutkan tempoh kutipan tol di seluruh negara sehingga 2038.

Menurut beliau, kadar tol tidak akan dinaikkan dalam tempoh lima tahun, namun, rakyat Malaysia terutama di negeri ini terus dibebankan dengan kutipan tol yang dilanjutkan sehingga 2038 kelak.

Berdasarkan laporan, Pulau Pinang paling teruk dibebani kutipan tol ekoran tol 'Butterworth-Kulim Expressway' (BKE) dilanjutkan sehingga 12 tahun (bermula 2026) manakala tol Jambatan Pulau Pinang dilanjutkan sehingga 17 tahun (bermula 2021).

"Ini tidak adil kepada rakyat Pulau Pinang.

Kutipan tol dilanjut hingga 2038 bebankan rakyat

Mengapa pimpinan-pimpinan Barisan Nasional (BN) di Pulau Pinang tidak pertahankan dan membela nasib rakyat di sini?" soal Ketua Menteri pada sidang media di Komtar di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau kesal kerana rakyat Pulau Pinang seolah-olah dihukum untuk menanggung kadar tol yang sememangnya membebankan.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak bersetuju dengan tempoh lanjutan tol oleh Kerajaan Persekutuan," tegas Ketua Menteri lagi.

Parkir Bukit Bendera dibina semula, arkitek dibuang kerja

Oleh: ZULIANA AZIZ

GEORGE TOWN – Kontroversi berkaitan parkir bertingkat Bukit Bendera kini selesai apabila Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat EXCO mengambil keputusan untuk merobohkan, merekabentuk dan membina semula keseluruhan bangunan tersebut.

Mesyuarat yang diadakan pada 1 Disember lalu juga telah memutuskan untuk menambah bilangan lot parkir daripada 112 kepada 300 yang mana akan menelan belanja sebanyak

RM25,000 setiap lot. Walau bagaimanapun, kos purata bagi setiap tempat letak kereta selepas mengambil kira kos yang dirobohkan iaitu RM4.3 juta menjadikan RM39,000 setiap lot.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pilihan pertama daripada tiga cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Siasatan Parkir Bertingkat Bukit Bendera dalam laporan siasatan yang dikemukakan oleh mereka baru-baru ini.

“Kos sebanyak RM5.5 juta hingga RM 6.75 juta

KETUA Menteri (kanan) bersama salah seorang Ahli Jawatankuasa Siasatan Parkir Bertingkat Bukit Bendera, Ar. Lawrence Lim Hua Kwang menunjukkan laporan siasatan yang telah siap.

diperlukan bagi merobohkan dan membina semula bangunan tersebut dan dijangka siap dalam tempoh 15 bulan,” kata Ketua Menteri.

Selain daripada itu, pilihan kedua yang dikemukakan sebelum ini iaitu membuat sedikit perubahan dengan merobohkan sebahagian bangunan dan membina semula kawasan curam supaya lebih landai dengan kos berjumlah RM1.5 juta dan mengurangkan jumlah lot



parkir daripada 112 kepada 96 lot.

Pilihan ketiga ialah merobohkan kawasan curam dan digantikan dengan lif kendaraan.

Menurut Ketua Menteri lagi, arkitek yang bertanggungjawab atas kelemahan bangunan

parkir tersebut sudah dibuang kerja dan tindakan selanjutnya diambil dengan membuat aduan kepada Lembaga Arkitek Malaysia supaya tindakan civil dikenakan terhadap arkitek terbabit.



BANGUNAN parkir Bukit Bendera yang akan dirobohkan.

KN sokong penuh Koperasi Tentera



SIM Tze Tzin (kiri sekali) mengadakan perbincangan dengan Lt. Kol. (B) Mohd. Nazari (kanan sekali) sambil diperhatikan S. Raveentharan (tengah) pada Majlis Hi-Tea Bersama KERABAT di sini baru-baru ini.

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) menyokong sepenuhnya penubuhan Koperasi Tentera supaya kebajikan pesara tentera dapat dibela dan mendapat pampasan sewajarnya daripada pihak-pihak berkenaan.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, Kerajaan Negeri PR lazimnya prihatin terhadap kebajikan bekas tentera yang telah lama diabaikan.

“Justeru, saya akan usulkan di setiap negeri PR untuk mewujudkan Koperasi Tentera ini,” katanya pada Majlis Hi-Tea Bersama Bekas Pesara Tentera (KERABAT) di sini baru-baru ini.

Turut hadir adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin.

Dalam pada itu, Tze Tzin menyatakan bahawa negara tidak akan maju tanpa bantuan angkatan tentera yang bekerja siang malam pertahankan negara. Oleh itu, kebajikan mereka wajar dijaga.

Majlis anjuran bersama Kerajaan Negeri dan Tze Tzin tersebut telah mendapat sambutan hampir 200 orang pesara tentera dari kawasan Bayan Baru dan Balik Pulau yang mengalui-alukan usaha Kerajaan Negeri untuk mengumpulkan mereka di dalam satu persatuan dan koperasi buat pertama kalinya di negeri ini.

Pada keraian tersebut, seramai 25 veteran tentera yang telah uzur, balu tentera dan pesara yang penah bertempur telah diberikan sumbangan oleh Kerajaan Negeri.

Hadir sama Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Datuk Abdul Halim Hussain, ADUN Batu Maung, Abdul Malik Kassim, ADUN Batu Uban, S.Raveentharan dan Presiden KERABAT Malaysia, Lt. Kol. (B) Mohd. Nazari.

200 murid terima sumbangan pendidikan RM100

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

BUTTERWORTH – Kira-kira 200 murid dari keluarga berpendapatan rendah di sekitar Parlimen Bagan menerima sumbangan RM100 seorang bagi persiapan membeli pakaian seragam dan kelengkapan lain untuk sesi persekolahan tahun depan.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, beliau percaya perhatian yang lebih dalam soal kependidikan anak-anak mampu mengubah sosial ekonomi keluarga kelak.

“Saya harap duit ini dapat membantu kerana hanya pendidikan cemerlang sahaja dapat mengubah ekonomi kita sekeluarga,” ujarnya pada Majlis Penyampaian Bantuan Pelajar Termiskin Sekolah-Sekolah Rendah Kawasan Parlimen Bagan di Dewan Haji Ahmad Badawi, di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Pengasas Pertubuhan Amal Seri Sinar, Datuk Dr. Eadon Ching. Pertubuhan bukan kerajaan itu menyumbang RM20,000 manakala baki RM20,500 lagi disumbangkan sendiri oleh Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Difahamkan, Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Bagan merancang untuk menyerahkan sumbangan kepada 200 murid lain sebelum sesi persekolahan depan menggunakan baki wang sumbangan tersebut.



PARA pelajar menunjukkan sumbangan yang diterima pada Majlis Penyampaian Bantuan Pelajar Termiskin Sekolah-Sekolah Rendah Kawasan Parlimen Bagan di sini baru-baru ini. Turut hadir adalah ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan (belakang, kanan sekali).

Zaliha Ismail, 36, ibu kepada Shafalidia Fadzil, 9, menganggap sumbangan tersebut dapat mengurangkan beban berbelanja sekolah anaknya.

“Legalah kerana sumbangan RM100 ini lepas (menampung) belanja anak ke sekolah,” ujar beliau sambil menyatakan bahawa anaknya Shafalidia yang kini belajar di Sekolah Bagan Jermal, Butterworth sebelum ini hanya menerima bantu daripada Pusat Urus Zakat (PUZ) Pulau Pinang sahaja.

Nada yang sama turut disuarakan oleh Selvarani a/p Murugaya, 11, dari Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chung Hwa 2, Butterworth.

“Gembiralah. Duit ini mesti digunakan untuk membeli pakaian (seragam) sekolah dan barang-barang sekolah,” ujar beliau sambil ditemani abang kandungnya, Jagadish a/l Murugaya, 17.

Beliau berkata, sumbangan ini mungkin kecil bagi keluarga yang berpendapatan tinggi. Tetapi beliau berkata sumbangan tersebut cukup bermakna bagi beliau sekeluarga.

Bagi Aw Chum Phin, 12, yang kini belajar di Sekolah Kebangsaan Bagan Ajam berkata sumbangan itu boleh digunakan untuk persiapan beliau ke Tingkatan 1 tahun depan.

“Sumbangan ini kira baiklah. Lebih daripada cukup bagi saya, dapat RM100 pun cukup bagi saya untuk membuat persiapan ke (tingkatan 1) sekolah menengah,” ujarnya sambil ditemani ibunya, Thamchai Chtam, 34.

“Ketepikan perbezaan politik demi anak bangsa” – Mansor

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

BALIK PULAU – “Dalam soal pendidikan khususnya berkaitan dengan ilmu agama, saya berharap agar dapat mengenepikan soal perbezaan fahaman politik demi kemajuan anak bangsa”, ujar Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dalam ucapan perasmian Sekolah Agama Rakyat (SAR) Jalan Baharu, di sini.

Tambah beliau lagi, kerjasama dan perpaduan sesama umat Islam serta saling melengkapi kekurangan yang wujud adalah perlu dan bukannya hanya tahu menundung jari menyalahkan pihak-pihak tertentu atas kekurangan tersebut.

Menurut beliau, kesepaduan semua pihak adalah sangat penting demi memajukan pendidikan atau sesebuah institusi pendidikan dan lebih utama ialah kelangsungan syiar Islam itu dapat dilestarikan.

Beliau yang hadir merasmikan SAR Madrasah al-Hidayah ad-Diniah (SARMAHAD) di sini turut menyeru agar semua pihak dapat berganding bahu serta memberi sokongan kepada Kerajaan Negeri dalam melaksanakan visi berjiwa rakyat demi

warga Pulau Pinang.

Keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap pembangunan ummah di Pulau Pinang ternyata tidak pincang apabila peruntukan dalam hal ehwal agama Islam sentiasa mendapat perhatian dan dipertingkatkan. Malah, peruntukan Kerajaan Negeri dalam pendidikan terutama ke sekolah-sekolah agama rakyat juga turut meningkat dan bagi tahun 2011 sejumlah RM1.75 juta telah diperuntukan untuk pembangunan dan perkembangan sekolah-sekolah tersebut.

SARMAHAD telah mendapat peruntukan berjumlah RM731,491 bagi pembinaan bangunan tambahan sekolah tersebut. Walaupun keperluan bilik pembelajaran tidak mencukupi bagi menampung jumlah murid yang kian meningkat, Kerajaan Negeri akan berusaha untuk mendapatkan bantuan supaya dapat membina sebuah lagi bangunan tambahan dan memanfaatkan tapak sekolah tersebut sebaiknya.

Menurut Pengetua SARMAHAD, Senayah Shafie, madrasah yang ditubuhkan



SENAYAH Shafie.

pada April 1948 kini mempunyai bangunan tambahan yang dapat menampung lebih dari 300 murid tahun 1 hingga tahun 6 serta dibantu oleh 14 guru yang berpengalaman. Walau bagaimanapun, tambah beliau, bilik pembelajaran masih tidak dapat menampung jumlah murid yang kian bertambah dan berharap agar dapat dibangunkan sebuah lagi bangunan bilik pembelajaran di tapak SARMAHAD.

“Walaupun dahulunya hanya sebuah pondok kecil, kini, alhamdulillah, kami telah ada bangunan sendiri. Ini permulaan baik buat semua”, ujar Senayah.

Hadir sama dalam perasmian tersebut Speaker Dewan Undangan Negeri, Abdul Halim Hussain; Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Abdul Malik Abul Kassim; Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Haji Sazali Hussein; Pengerusi Jemaah Pengurusan SARMAHAD, Shafie Hamzah; Jawatankuasa Qaryah Masjid Jalan Baharu, JKKA, guru-guru SARMAHAD, waris-waris murid serta murid-murid SARMAHAD.

Diskaun 50% lesen penjaja tahun depan

GEORGE TOWN – Kira-kira 300 penjaja diraikan sempena Majlis Sambutan Hari Penjaja 2011 peringkat Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sebagai menghargai peranan mereka membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjayakan program Pulau Pinang Bersih Hijau (*Cleaner Greener*).

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng ketika berucap mengumumkan pemotongan 50 peratus lesen penjaja tahun depan kepada mereka yang terpilih.

“Kini, tiada lagi banjir kilat, parit bersih kerana kita seluruh rakyat khususnya penjaja sendiri menjaga kebersihan di premis masing-masing. Pengunjung termasuk pelancong tentu bertambah datang ke negeri ini kerana kedai makan kita diyakini bersih.

“Dulu, mana ada potongan diskaun? Ekoran ada saling bekerjasama antara penjaja dan Kerajaan Negeri melalui MPPP, Pulau Pinang sudah kelihatan bersih dan hijau. Kita (Kerajaan Negeri) akan potong (diskaun) 50 peratus lesen penjaja tahun

depan,” ujarnya pada Majlis Sambutan Hari Penjaja 2011 di Dewan Bandaran MPPP di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada MPPP kerana konsisten meraikan Hari Penjaja yang jatuh pada 18 November setiap tahun.

“MPPP merupakan satu-satunya majlis di negara ini yang masih meraikan Hari Penjaja setiap tahun sejak 1996 dan tahun ini merupakan kali ke-16 kita meraikannya.

“Amalan ini bermakna Kerajaan Negeri memang mengiktiraf masyarakat penjaja sebagai satu golongan masyarakat yang penting dalam pembangunan sosio ekonomi negeri,” ujarnya.

Ucapan Yang diPertua MPPP, Ar. Hajjah Patahiyah Ismail turut dibaca oleh Setiausaha Majlis, Ir. Ang Aing Thye dalam majlis berkenaan. Turut berucap adalah Pengerusi Gabungan Persatuan Penjaja-Penjaja dan Perniagaan Kecil Pulau Pinang dan Seberang Perai, Lam Tong Ying.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan

Tempatan dan Pengurusan Lalu Lintas Negeri, Chow Kon Yeow, Ng Wai Aik (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap ADUN Komtar), Ong Ah Teong (Pengurus Gantian Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MPPP), Tay Leong Seng (Pengurus Jawatankuasa Kecil Sambutan Hari Penjaja 2011) serta Ahli-ahli Majlis MPPP lain.

Majlis tersebut turut menyaksikan acara penyampaian hadiah bagi pertandingan gerai terbersih 2011. Kategori gerai terbersih dimenangi oleh pemilik gerai mee hakka bernombor M9, Kompleks Tanjung Bungah, Oh



WAKIL Pelita Nasi Kandar Sungai Dua (dua dari kiri) menerima anugerah johan Pertandingan Kedai Bersih Kategori Restoran Nasi Kandar.

Jit Cheng ; pemilik gerai makanan barat terbaik dimenangi oleh gerai bernombor 109, Kompleks Bayan Baru, Ang Poh Huat dan pemilik gerai roti bakar terbaik gerai bernombor 18, Kompleks Lorong Kulit, Norhafiza Syed Mohamad.

Kategori Kedai Kopi terbersih pula dijuarai oleh pemilik kedai makan dan minum bernombor 1-F, Lebuh King, Sin Hoe Peng manakala Pelita Nasi Kandar menjuarai kategori kedai Nasi Kandar terbersih.



CHOW Kon Yeow (kiri sekalii) menunjukkan tanda bagus sambil ditemani pemenang-pemenang Majlis Sambutan Hari Penjaja 2011 peringkat MPPP di sini baru-baru ini.

Tahniah “Harimau Muda” – Guan Eng

GEORGE TOWN – Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng merakamkan ucapan tahniah kepada “Harimau Muda”, iaitu pasukan bola sepak negara bawah 23 tahun atas kejayaan meraih emas dalam Sukan SEA 2011.

Beliau turut merakamkan penghargaan khusus kepada ketua jurulatih negara , Ong Kim Swee kerana berjaya mengekalkan rekod pingat emas yang pernah dimenangi oleh pasukan jurulatih, Datuk K.Rajagopal tahun lepas.

“Ini juga kali pertama Malaysia telah mencapai kejayaan berturut-turut dalam sejarah Sukan SEA,” ujar beliau.

Bagi beliau, debaran pada detik penalti oleh pasukan negara menentang “Garuda” Indonesia di Stadium Gelora Bung Karno cukup mendebaran.

“Walaupun dihadapi dengan situasi yang sangat mencabar, pasukan Harimau Muda tetap berjaya mengatasi pasukan tuan rumah. Ini menunjukkan bahawa rahsia kejayaan merupakan kegigihan dan ketekunan,” ujarnya.

Pada perlawanan akhir Sukan SEA baru-baru ini, Harimau Muda menundukkan Garuda dengan 5-4 melalui penalti selepas kedua-duanya terikat 1-1 sehingga 30 minit masa tambahan.

Laporan polis VCD lucah fitnah DSAI

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB



LAPORAN polis edaran VCD lucah berjudul “Wasiat Tok Guru” yang berjaya dikesan di perkarangan Masjid Saidina Abu Bakar as-Siddiq.

PERMATANG PAUH – Hampir 100 penduduk Kariah Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Kubang Semang melancarkan demonstrasi aman gara-gara lebih 100 cakera padat video (VCD) lucah berjudul “Wasiat Tok Guru” disebarluaskan di sekitar masjid mereka.

Demonstrasi itu diadakan di perkarangan Balai Polis Kubang Semang, Penanti, di sini, sebelum mereka membuat laporan polis mengenai VCD lucah seorang lelaki mirip Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan seorang perempuan misteri.

Pengerusi kariah masjid berkenaan, Abu Bakar Bakilani Abu Hassan berkata, kewujudan VCD itu disedari ketika orang ramai sibuk hendak mengerjakan Solat Fardhu Jumaat pada 11 November lepas.

“Jika dilihat dari luaran, pasti orang akan ingat ia



PENDUDUK Kariah Kubang Semang, Penanti melancarkan demonstrasi aman di perkarangan Balai Polis Kubang Semang di sini baru-baru ini.

benar-benar video ‘Wasiat Tok Guru’. Tapi, saya terkejut apabila ada anak kariah yang datang kepada saya maklumkan bahawa kandungan sebenar adalah video lucah.

“Bukan setakat masjid ini sahaja, malah, perkara sama turut berlaku di lebih lima masjid dalam kawasan Permatang Pauh,” katanya selepas membuat laporan polis di Balai Polis Kubang Semang di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, wakil Masjid Kariah Mengkuang, Sungai Lembu, Penanti yang turut membuat aduan polis berkata, perbuatan tersebut amat melampaui batas dan tidak dapat dimaafkan kerana menggunakan masjid sebagai medium untuk menyebarkan perkara tidak elok. Ia juga dilihat mencemarkan imej masjid sebagai sebuah institusi agama.

“Saya meminta supaya mereka yang ada menyimpan VCD ini supaya mengembalikannya semula kepada pihak masjid untuk dimusnahkan,” ujar wakil berkenaan.

Sehingga kini, difahamkan, tidak ada maklum balas rasmi pihak polis berhubung laporan penduduk-penduduk di dua kariah berkenaan.

Mansor, PKR serah RM10,000 bantuan mangsa banjir di Kedutaan Thai

GEORGE TOWN – Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, Datuk Mansor Othman menyempurnakan penyerahan sumbangan RM10,000 untuk membantu mangsa banjir di Thailand.

Sumbangan itu diserahkan oleh beliau bersama-sama delegasi Parti Keadilan Rakyat (PKR) negeri kepada Ketua Konsul Thailand, Voradet Viravakin, di Kedutaan Thailand, di sini baru-baru ini.


“Kita berasa cukup prihatin dengan mangsa banjir di negara jiran kita (Thailand), sumbangan ini mungkin kecil, tetapi, saya percaya ianya cukup bermakna bagi meringankan beban rakyat di sana.

“Kesempatan ini, suka saya

MANSOR Othman (berkot, kanan) menyerahkan cek sumbangan RM10,000 untuk membantu mangsa banjir di Thailand kepada Voradet Viravakin (berkot, kiri) di Kedutaan Thailand, di sini baru-baru ini.

mengucapkan tahniah kepada Pusat Khidmat Rakyat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Ong Chin Wen serta peringkat parti (PKR) kerana memulakan usaha kemanusiaan ini di peringkat negeri,” kata beliau, dipetik daripada pihak pengaruh.

Pada 4 November lepas, sebanyak 130 meja dijual antara RM500 hingga RM5,000 semeja bagi menjayakan Majlis Jamuan Makan Amal Membantu mangsa banjir Thailand di Dewan Orang Ramai,



Perkampungan Juru, Seberang Perai Tengah.

Majlis tersebut turut disertai oleh Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu, Badrul Hisham Shaharin atau “Che’guBard” (Presiden dan pendiri Solidariti Anak Muda Malaysia, SAMM), Tian Chua (Ahli Parlimen Batu merangkap Ketua Penerangan PKR) dan Chang Le Kang (ADUN Teja).

Oleh: ZULIANA AZIZ

SEBERANG JAYA – “Saya berasa gembira dengan sumbangan ini. Pada pendapat saya, seolahnya latihan atau kursus diberi kepada semua guru KAFA yang baru dilantik sebagai persediaan sebelum memulakan pengajian di sekolah,” begitulah perungkapan yang diluahkan oleh Rosnani Shafie, salah seorang guru KAFA di Sekolah Bukit Indera Muda ketika ditemui di Majlis Penyampaian Anugerah Khas Kerajaan Negeri kepada Guru-guru KAFA Pulau Pinang, baru-baru ini.

Sumbangan yang diberi oleh Kerajaan Negeri merupakan penghargaan kepada guru-guru KAFA yang telah menabur bakti bagi memperkasakan umat Islam di negeri ini.

Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang mewujudkan program

Guru KAFA syukur dihargai KN

seperti ini di mana guru-guru KAFA dihargai dan diharapkan menjadi pembakar semangat bagi mencorakkan generasi muda masa depan dalam mendalami agama Islam yang suci lagi murni.

Semangat para guru dalam mendidik anak-anak bangsa harus diberi penghormatan dan begitu dikagumi walaupun terdapat kekurangan dalam penyediaan infrastruktur buat masa kini. Namun, Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk memperbaiki infrastruktur yang ada pada masa hadapan agar dapat menjamin keselesaan tenaga pengajar dan murid-murid sekolah.

Nada yang sama turut disuarakan oleh Ustaz Ramli Hamzah, 50, seorang



RAMLI Hamzah.

guru KAFA di Madrasah Nahdatul Hasanah, Jalan Tuna yang mempunyai pengalaman hampir 15 tahun sebagai tenaga pengajar.

“Saya berharap agar infrastruktur dapat dipertingkatkan supaya lebih kondusif dan bagi memudahkan murid-murid untuk menerima ajaran yang disampaikan,” katanya.

“Saya ingin mencadangkan supaya menyediakan satu perjawatan iaitu Penyelaras untuk setiap sekolah KAFA bagi memantapkan lagi pengurusan di semua sekolah KAFA di Pulau Pinang,” ujar seorang lagi guru KAFA, Ribhiyah Bakar ketika ditemui Buletin Mutiara

(BM) di sini baru-baru ini.

Majlis yang diadakan bagi menambah imbuhan yang diterima guru KAFA daripada RM400 kepada RM600 seorang telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman.



ROSNANI Shafie (dua dari kanan) dan Ribhiyah Bakar (dua dari kiri) bergambar kenang-kenangan bersama barisan guru KAFA Sekolah Bukit Indera Muda, di sini.

7 Masjid Madani dinobat Kerajaan Negeri



MASJID al-Huda, Sungai Ara, Bayan Lepas.



MASJID at-Taqwa, Taman Bertam Indah, Kepala Batas.



MASJID
Negeri Pulau
Pinang.

GEORGE TOWN – Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mengembalikan kegembilan umat Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) telah berusaha menobatkan tujuh buah masjid sebagai Masjid Madani negeri Pulau Pinang.

Tujuh buah masjid yang dipilih sebagai Masjid Madani ialah Masjid Negeri Pulau Pinang, Masjid Daerah Barat Daya, Masjid Daerah Seberang Perai Selatan, Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Masjid Seberang Perai Utara, Masjid at-Taqwa, Taman Bertam Indah, Kepala Batas dan Masjid al-Huda, Sungai Ara, Bayan Lepas.

Dalam pelaksanaan Masjid Madani tersebut, Kerajaan Negeri berusaha menerapkan ciri-ciri 3M iaitu Mulia,

Mesra dan Menarik. Umumnya, Masjid Madani membawa makna masjid terkehadapan dari aspek pengimaran dan menjana tenaga menjadikan masjid sebagai pusat transformasi dalam melahirkan dan membangunkan umat Islam yang cemerlang.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Abdul Malik Abul Kassim berkata, Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan aspek keagamaan terutamanya agama rasmi Islam dalam pentadbiran, malah, pelbagai inisiatif dilakukan demi mewujudkan semula generasi Islam yang cemerlang seperti zaman Khalifah Umar Abdul Aziz.

“Objektif kewujudan Masjid Madani adalah untuk menjadikan masjid sebagai tumpuan utama masyarakat setempat, menyediakan program

pengimaran masjid bagi semua peringkat usia, menjadi pusat sosio-ekonomi dan pusat transformasi umat Islam sejagat.

“Bagi merealisasikan konsep Masjid Madani ini, pengisian aktiviti-aktiviti pengimaran di samping mempertingkatkan keupayaan AJK dan Pegawai Masjid turut diberi penekanan.

“Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan prasarana-prasarana yang berteraskan ciri-ciri 3M agar lebih banyak masjid di negeri ini dapat diwujudkan sebagai Masjid Madani kelak,” katanya di sini baru-baru ini.

tahun ini.

Dalam majlis yang sama, penyampaian anugerah-anugerah khas sempena sambutan Maal Hijrah turut diadakan. Antaranya, penerima Anugerah Saudara Kita, Siti Sarah Khoo Abdullah, 29; Anugerah Ibu Mithali, Hajjah Mariam Ahmad, 71; Anugerah Bapa Mithali, Hanafiah Saad, 82; Anugerah Pendakwah Negeri, Khairul Annur Musa, 46 dan Anugerah Tokoh Maal Hijrah 1433H, Dr. Danial Zainal Abidin, 56.

Majlis turut diserikan dengan persempahan nasyid, syarahan perdana oleh Presiden Wadah Kecerdasan Ummah Malaysia (WADAH), Prof. Datuk Dr. Siddiq Fadzil yang berkisarkan Maqasid Syariah, Seminar Maqasid Syariah oleh Prof. Madya Datuk Dr. Mohd. Radzi Othman, Dr. Ashraf Md.Hashim dan Dr. Mujahid Yusof Rawa serta pelancaran Konsep Masjid Madani Negeri Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Abdul Malik Abul Kassim, turut mengajak umat Islam Pulau Pinang untuk menjadikan penghijrah Rasulullah S.A.W sebagai pencetus kepada perubahan diri, keluarga dan masyarakat demi kelangsungan bangsa, agama dan negara.

Malah, beliau turut menyatakan bahawa Majlis Perhimpunan Ummah kali ini bukanlah semata-mata untuk memberi kesedaran dan penghayatan tentang nilai-nilai hijrah dalam konteks transformasi ummah masa kini, malah, turut merangkumi pembangunan jatidiri dan spiritual umat Islam dalam menjana pembentukan masyarakat madani dan modal insan yang cemerlang selain memahami konsep sebenar penghijrah Rasulullah S.A.W.

3 keluarga kebakaran terima bantuan segera KN



SEBAHAGIAN mangsa kebakaran yang menerima sumbangan bencana beramah-mesra dan berkongsi pengalaman bersama Ketua Menteri pada Majlis Penyampaian Sumbangan di Balai Raya Bukit Bendera di sini baru-baru ini.

AIR PUTIH – Ternyata polisi Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat menyediakan bantuan bencana dalam tempoh 24 jam dapat meringankan beban yang ditanggung mangsa bencana.

Terbaru, tiga buah rumah yang melibatkan tiga buah keluarga di Jalan Pokok Ceri, Air Putih hangus dalam kebakaran baru-baru ini, menerima bantuan segera daripada Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Mereka yang terlibat dalam kebakaran tersebut ialah keluarga Balakrisnan a/l Veerappan, 62; keluarga Pathmavathy a/p Lechumanan, 59; dan keluarga Nandu Jehan a/l Maeimuthu yang diwakili oleh Sathasilam a/l Veloo, 38.

Semua mangsa menerima bantuan berjumlah RM3,500 iaitu RM2,000 adalah sumbangan daripada Ketua Menteri sendiri, Tabung Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri (RM1,000) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (RM500).

TYT – 1 Muharram perlu dihayati bukan ritual semata-mata

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas, menyeru agar rakyat Pulau Pinang tidak menjadikan sambutan 1 Muharram hanya ritual semata-mata, sebaliknya menghayati intipati spiritual dan material ummah di sebalik penghayatan hijrah itu sendiri.

Dalam ucaptamanya, Abdul Rahman mengingatkan bahawa manusia mudah lupa dan lalai apabila beroleh dua perkara iaitu kesihatan dan masa lapang. Oleh itu, beliau berharap agar umat Islam di Pulau Pinang berlumba-lumba untuk membuat kebajikan dan beroleh kemenangan melaluiinya.

“Orang yang berjaya adalah orang yang lebih baik dari semalam. Orang yang terpedaya adalah orang yang hari ini sama seperti semalam. Orang yang malang adalah orang yang hari ini lebih buruk dari semalam,” ucap beliau bersempena Majlis Perhimpunan Ummah Sambutan Maal Hijrah 1433H/2011M Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Bersempena itu, Kerajaan Negeri telah memilih tema ‘Hijratul Rasul Pencetus Perubahan’ untuk sambutan

KN bina generasi teknologi usahawan PKS

GEORGE TOWN –

Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang membina bangunan komersial bernilai RM40 juta sebagai pusat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Taman Perindustrian Bayan Lepas.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pusat teknologi usahawan berkenaan disediakan boleh disewa dengan harga yang lebih rendah oleh penggiat PKS yang layak, inovatif serta berdaya saing demi mengkayakan sektor perkhidmatan dan pembuatan peringkat negeri.

“Kita beri dua tahun minimum untuk mereka memulakan projek, saya fikir dua tahun adalah peluang yang menasabah untuk membantu teknologi usahawan.

“Kalau masih tak berjaya dalam tempoh itu, kita buka peluang itu kepada orang lain yang lebih layak dan bersedia untuk bersaing secara adil dan saksama,” ujarnya baru-baru ini di Komtar.

Di atas tanah seluas 160,000 kaki persegi, beliau berkata, mereka yang dipilih akan dijana kepakaran oleh teknologi usahawan berjaya dan berwibawa.

Menurut beliau, pusat itu akan diuruskan oleh Majlis Pengurusan Pusat PKS yang dianggotai oleh usahawan mentor Majlis Sains Pulau Pinang, InvestPenang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sendiri.



LIM Guan Eng memperkenalkan pelan komersial pusat PKS.

Ujarnya lagi, Penasihat Pemasaran PKS dan Pusat Sumber dan Latihan (Smart) yang dilancarkan pada Jun tahun lepas akan melengkapkan insiatif terbaru Kerajaan Negeri ini.

Kira-kira 1,000 peserta menyertai PKS dan 209 PKS disenaraikan di bawah talian Smart. Mereka yang berkenaan diberi kepakaran oleh usahawan-usahawan terbukti berjaya.

“Kemakmuran masa depan Pulau Pinang terletak pada keupayaan generasi akan datang yang memerlukan kedua-dua iaitu usahawan dan reka cipta,” ujarnya.



ABDUL Rahman Abbas (tengah) menyampaikan ucapan pengisytiharan perasmian Masjid Jamek as-Soghir sambil ditemani oleh Abdul Halim Hussain (kiri) dan Abdul Malik Abul Kassim (kanan).

Usaha KN - surau jadi masjid qaryah

SUNGAI DUA – Dari sebuah surau, Masjid Jamek as-Soghir telah berjaya dinaiktaraf menjadi sebuah masjid al-qaryah hasil keperihatinan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat berjiwa rakyat.

Masjid Jamek as-Soghir dinaiktaraf dengan kos pembinaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM300 juta dan kira-kira RM200 juta lagi adalah hasil sumbangan individu dan qaryah masjid.

Menurut Pengurus Qaryah Masjid Jamek as-Soghir, Taman Pekaka, Haji Hashim Mat Nayan, dengan penaiktarafan tersebut, masjid tersebut telah membolehkan penduduk di kawasan sekitar taman perumahan tersebut menuaikan solat Juma’at.

“Hasil inisiatif khas Kerajaan Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAPP), Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), Jabatan Kerja Raya (JKR), imam-imam, bilal dan siak serta individu-individu tertentu, masjid ini siap dinaiktaraf pada Julai tahun ini dan sedia digunakan pada Ramadhan yang lalu,” katanya ketika ditemui Buletin Mutiara pada Majlis Perasmian Bangunan Baru Masjid Jamek as-Soghir, di sini baru-baru ini.

Hadir sama merasmikan masjid tersebut, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas; Speaker Dewan Undangan Negeri, Abdul Halim Hussain; Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Batu Uban, S. Raveenthiran; wakil-wakil JHEAPP, MAIPP, JKR dan jawatankuasa qaryah.

Dalam pada itu, Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Abdul Malik Abul Kassim, menyatakan rasa syukur beliau dan mengucapkan tahniah kepada semua jawatankuasa qaryah masjid kerana sama-sama menggembangkan ummah serta turut membantu Kerajaan Negeri dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap warga Pulau Pinang.

ESCAPE mesra alam

GEORGE TOWN – Taman Tema ESCAPE bakal menjadi destinasi pelancongan terbaru bagi Pulau Pinang. Terletak berhampiran empangan Teluk Bahang, taman tema tersebut bukan sahaja menawarkan ‘world-class leisure destination’, malah, bakal menjadi destinasi pelancongan mesra alam sekitar yang masih mengekalkan kehijauan floranya.

Menurut Pengarah Urusan Sim Leisure, Sim Choo Kheng, taman tema tersebut mempunyai lima fasa dan fasa pertama akan mengambil masa lebih kurang 18 bulan termasuk pembinaan hotel dan taman tema air. Bagi fasa berikutnya lebih banyak hotel, taman aktiviti riadah, taman haiwan dan taman pengembalaan flora fauna akan dibina secara berperingkat-peringkat.

“Projek taman tema ini bakal menjadi

projek prototaip. Tidak memberi kesan terhadap alam sekitar dan kita akan menggunakan sumber alam dan bahan-bahan kitar semula yang berkualiti untuk mewujudkan suasana alam semulajadi yang sebenar,” ujar Choo Kheng pada majlis sidang akhbar bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Choo Kheng turut mengulas berhubung isu yang dibangkitkan oleh Malaysian Nature Society (MNS) Penang dan Sahabat Alam Malaysia (SAM) berhubung kesan pengimplementasian projek berkenaan. Katanya, pembinaan taman tema tersebut telah mengambil kira beberapa elemen dan ketelitian yang tinggi, di mana tiada pokok atau kawasan hutan akan ditebang dan diratakan.

Beliau turut menyatakan bahawa tapak taman tema ini bukanlah dibina di



SIM Choo Kheng memberi taklimat ringkas tentang pembinaan Taman Tema ESCAPE pada majlis sidang akhbar di Komtar di sini baru-baru ini.

kawasan hutan hujan malar. Sebaliknya pihak beliau mengutilitikan kawasan tamanan pokok getah yang terabai sejak 1990-an lagi. ESCAPE juga bukan terletak di bawah kawasan empangan mahupun kawasan tadahan air atau di kawasan Taman Negara, sebaliknya ia terletak bertentangan dengan kawasan Taman Rama-rama Pulau Pinang.

Dalam sidang media yang diadakan di Komtar baru-baru ini, Choo Kheng turut menegaskan bahawa pembinaan taman tema ESCAPE tidak tertakluk di bawah ‘Environmental Impact Assessment’ (EIA) kerana pembinaannya tidak terletak di kawasan ‘Environmentally Sensitive Area’ (ESA) dan ia merupakan pembinaan yang terkawal.

Laluan basikal dalam lima tahun

Oleh: ZULIANA AZIZ

GEORGE TOWN – Berita baik untuk penggemar aktiviti berbasikal! Ini kerana, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bakal mewujudkan laluan basikal bagi memudahkan serta menjamin keselamatan pengguna basikal di jalan-jalan utama yang sememangnya sesak dengan kenderaan berat terutama pada waktu puncak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, cadangan pembinaan laluan basikal ini akan mengambil masa kira-kira lima tahun minimum untuk siap sepenuhnya. Manakala jumlah panjang keseluruhan laluan basikal di bahagian pulau, Pulau Pinang adalah kira-kira 180 km.

Beliau menambah, terdapat tiga kategori laluan basikal iaitu laluan basikal yang disediakan secara berasingan dengan kenderaan bermotor; laluan basikal yang

disediakan di atas jalan (*carriageway*) dengan lorong berasingan dan laluan basikal yang disediakan di atas jalan (*carriageway*) tanpa lorong berasingan.

“Walau bagaimanapun, bagi kategori ketiga, ianya bergantung kepada kelebaran jalan minima iaitu empat meter dan kebanyakan jalan di Pulau Pinang mempunyai kelebaran yang terhad serta terdapat petak-petak letak kenderaan,” katanya pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa, buat masa ini, laluan yang dicadangkan adalah di kawasan pulau sahaja. Bagi kawasan seberang, cadangan laluan akan dibincangkan kemudian.

“Pelbagai faktor harus diambil kira termasuk kelebaran jalan, jumlah kapasiti pengguna jalan raya dan jalan-jalan yang dirasakan sesuai untuk mewujudkan laluan basikal yang dicadangkan,” jelas beliau.



KETUA MENTERI DAN YANG DIPERTUA PPPP, AR. PATAHIYAH ISMAIL (TENGAH) menunjukkan peta berhubung cadangan laluan basikal di bahagian pulau, Pulau Pinang.



LIM Guan Eng (dua dari kiri) di samping P. Ramasamy memberi penghormatan terakhir kepada mendiang A. Letcimi di Krematorium Hindu, Batu Lancang di sini baru-baru ini.

Penghormatan terakhir

TAKZIAH... Tanpa mengira latar belakang politik, Ketua Menteri telah hadir di Krematorium Hindu, Batu Lancang bagi memberi penghormatan terakhir kepada ibu kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk G. Palanivel yang meninggal dunia baru-baru ini.

Mendiang Letcimi Arumugam, 92, meninggal dunia di rumah Palanivel di Taman Melawati,

Kuala Lumpur kerana sakit tua. Mendiang meninggalkan tiga orang anak, 13 cucu dan 8 orang cicit.

Hadir sama memberikan penghormatan terakhir ialah Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy, ADUN Dato' Keramat, Jagdeep Singh dan Pengurus MIC Pulau Pinang, Datuk P.K. Subbaiyah.

BIDS serikan Komtar

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Projek ‘George Town Business Improvement District Scheme’ (BIDS) bakal menyuntik nafas baru buat persekitaran Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) dan menjadikannya pusat tumpuan utama dengan daya tarikan yang dinamik untuk dikunjungi.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, projek bagi memajukan Komtar dan kawasan sekitarnya adalah yang pertama seumpamanya di Asia. Ianya bertujuan untuk membangunkan semula persekitaran yang melibatkan kawasan sepanjang Times Square, Jalan Dato’ Keramat, Gama, Jalan Magazines, 1st Avenue serta Prangin Mall.

“Penambahbaikan semula akan dijalankan terhadap fungsi yang sedia ada seperti pejalan kaki, mengubahsuai lanskap, membaiki kemudahan lalu lintas, menyediakan lebih banyak ruang niaga untuk para pengunjung membela dengan lebih selamat dan bersih.

“Ini adalah hasil inisiatif bersama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Ivory Times Square, Gama Supermarket & Departmental Store Sdn. Bhd. serta Heng Lee & Company Sdn. Bhd. yang bergabung di bawah BIDS,” katanya pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Kon Yeow menambah, BIDS mensasarkan tiga sasaran utama dalam pembangunan semula Komtar iaitu melibatkan jaringan antara bangunan, kebersihan dan juga alam sekitar serta peningkatan terhadap tahap keselamatan pengunjung.

“Diharap pelaksanaan projek yang mengambil kira bancian dan pandangan daripada orang ramai akan dapat mengembalikan semula suasana kemeriah Komtar seperti dahulu,” ujarnya.

Hadir sama Pengurus Projek BIDS yang juga merupakan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik dan wakil daripada Think City, Neoh Khor.

Oleh: ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukan RM500 juta dana pusingan bagi membina rumah mampu milik di sini, kata Ketua Menterinya, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Beliau membuat pengumuman itu pada Majlis Tandatangan Surat Perjanjian Pembelian dan Pembangunan Tanah Bayan Baru antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan pemaju Ivori Properties Group Berhad (IPGB).

“Pengalaman PDC, diyakini bahawa projek yang bakal dilaksanakan melalui penjualan tanah secara tender terbuka ini akan memberi hasil kepada Kerajaan Negeri sejumlah RM1.07 bilion.

“Melalui tender terbuka ini, kamu (pemaju) menang (mendapat manfaat), Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) menang (mendapat manfaat) dan yang lebih penting rakyat paling menang (lebih mendapat manfaat).

“Hasil penjualan tanah ini, sejumlah RM500 juta akan diketepikan (diperuntukan) khusus bagi tujuan dana pusingan pembinaan rumah mampu milik di pulau dan Seberang Perai,” ujar beliau di Bangunan PDC, di sini.

Turut berucap, Pengerusi dan Ketua Pengurus Eksekutif IPGB,

RM500 juta dana pusing untuk bina rumah mampu milik

Loh Kim Hock.

Majlis tandatangan dilakukan oleh Timbalan Pengarah (Makro) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Hafidzah Hassan mewakili Kerajaan Negeri, manakala, pemaju diwakili oleh Kim Hock.

Guan Eng dan Timbalan Pengerusi dan Pengarah Eksekutif IPGB, Datuk Seri Nazir Ariff sebagai saksi pada majlis tandatangan tersebut.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamay, Datuk Abdul Halim Hussain (Speaker DUN Pulau Pinang), Datuk Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Datuk Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Kerajaan Negeri), Datuk Lee Kah Choon (Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Invest Penang), Ar. Patahiyah Ismail (Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang) dan Datuk Abdul Rahim Isahak (Timbalan Pengurus Besar PDC) antara yang hadir pada majlis bersejarah itu.

Projek yang mengangkat tema “Pulau Pinang, Bandar Antarambangsa” dan “Untuk Pulau Pinang,

Dalam Pulau Pinang, Daripada Pulau Pinang” itu dibuka tender secara terbuka lebih empat bulan lepas, bermula 16 Ogos 2010 dan berakhir pada 31 Disember 2010.

Selepas proses permintaan untuk cadangan (RFP), sebanyak tiga syarikat pemaju disenarai pendek.

Cadangan IPGB menawarkan harga RM240 sekali persegi dipilih serta pembayaran dalam tempoh lima tahun telahpun diterima. Projek pembangunan dilakukan bersama dengan pemaju Dijaya Corporation Berhad (DCB).

Projek pembangunan berkenaan membabitkan 102.56 ekar tanah meliputi 67.56 ekar tanah sedia di samping kos tebus guna 35 ekar lain ditanggung oleh pemaju.

Dengan dana pusingan RM500 juta itu, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri merancang untuk membangunkan 15,000 unit rumah mampu milik berharga antara RM72,000 hingga RM220,000 di tanah seluas 200 ekar atas nama Bandar Batu Kawan.



BECA yang merupakan salah satu ikon negeri Pulau Pinang.

RM100 untuk penarik beca, KN tidak paksa

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Atas keprihatinan, Kerajaan Negeri telah bersetuju memberikan insentif eluan RM100 sebulan kepada penarik beca di negeri ini berbanding RM100 setiap dua bulan yang diumumkan baru-baru ini.



Latiff Mohamad

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri telah mengkaji semula cadangan tersebut dan memutuskan untuk membayar RM100 sebulan sekiranya penarik beca bersetuju untuk menghadiri dan menyertai program Hari Tanpa Kenderaan George Town yang telah dilancarkan baru-baru ini.

“Kita tidak paksa mereka untuk terima dan turut serta. Kita hanya ingin menolong dan membantu mereka menyediakan peluang menjana pendapatan tambahan,” ujarnya pada sidang media baru-baru ini.

Kerajaan Negeri men-

syaratkan agar mereka (penarik beca) mendaftar dengan Jabatan Pelancongan Pulau Pinang. Bonus RM20 juga akan diberikan sekiranya kehadiran penuh setiap minggu pada hari tanpa kendaraan dijalankan.

Bagi Yang Dipertua salah satu persatuan penarik beca Pulau Pinang, Abd. Latiff Mohamad, beliau bersyukur dengan inisiatif Kerajaan

Negeri.

“Sebagai penarik beca, pendapatan kami tidak tetap, pemberian eluan RM100 ini terpulang kepada Kerajaan Negeri dan amat bermakna, asalkan periuk nasi kami tetap dijaga,” ujarnya kepada wakil Buletin Mutiara baru-baru ini.

Hari Tanpa Kenderaan Georgetown yang diusahakan Kerajaan Negeri bersama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) diadakan pada setiap Ahad dari 7 pagi hingga 5 petang melibatkan jalan yang terpilih di sekitar bandar raya George Town mulai 11 Disember lalu.



SUASANA
Pesta Pulau Pinang 2011 yang lebih ceria.

“Dengan adanya sebanyak 167 gerai jualan, ini sedikit sebanyak memberi peluang kepada pengusaha kecil dan sederhana (IKS) meningkatkan ekonomi dan nilai tambah kepada perniagaan mereka,” ujarnya.

Dengan tema ‘Jom Pi Pesta’ tahun ini, Pesta Pulau Pinang menjanjikan sesuatu yang istimewa untuk penduduk tempatan dan pengunjung dari luar negeri iaitu persembahan kebudayaan daripada pelbagai negara, pameran kraftangan daripada Sumatera Utara, Festival Boria dan Taman Hiburan Euro Fun Park.

Hadir sama pada majlis perasmian ialah Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Pegawai Kewangan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Pesta, Datuk Mokhtar Mohd. Jait dan Konsulat dari Thailand, Sumatera Utara dan Jepun.

ANTARA
gerai jualan di Pesta Pulau Pinang 2011.



**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2011 (1 JAN. 2011 - 31 DIS. 2011)**

Nama	Telefon
En. Sim Chee Keong (DAP) stevensim@mpsp.gov.my	012-590 75 07
En. Oon Neow Aun (DAP) naoon@mpsp.gov.my	016-46 57 498
En. Teoh Seang Hooi (DAP) shtewo@mpsp.gov.my	019-412 99 96 04-594 1231
En. Soon Lip Chee (DAP) lcsoon@mpsp.gov.my	012-4290 163
En. Visvanathan a/l Kumaran (DAP) (Perlantikan Baru) visvanathan@mpsp.gov.my	012-477 6468 04-398 3242 (Tel) 04-502 1667 (Fax)
En. Ramachandran a/l M. Muthiah (DAP) ramachandaran@mpsp.gov.my	012-412 84 51
Puan Tan Cheai Peng (DAP) cptan@mpsp.gov.my	012-48 68 092
En. Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my	012-5619870
En. Mohamad Zainudin bin Othman (PKR) (Perlantikan Baru) mohamadzainudin@mpsp.gov.my	013-45 47 009
En. Ahmad Farid bin Md. Arshad (PKR) ahmadfarid@mpsp.gov.my	019-540 9396 04-3979796 (Fax)
En. Johari bin Kassim (PKR) johari@mpsp.gov.my	019-449 1450
Abdul Latif bin Abdullah (PKR) abdul_latif@mpsp.gov.my	019-560 57 55
En. Bahktiar Appanai bin Yahya (PKR) bahktiarappandi@mpsp.gov.my	017-568 3778 04-977 3982
En. Lim Eng Nam (PKR) peterlim@mpsp.gov.my	016-411 44 00 04-588 0818 (Tel) 04-588 0885 (Fax)
Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam (PKR) kusala@mpsp.gov.my	019-54 63 257
En. Amir bin Md. Ghazali (PKR) amir@mpsp.gov.my	013-584 8386 04-5211987 (Fax)
En. Ahmad Kaswan bin Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my	019-40 84 899
En. Lim Tau Hoong (NGO) thlim@mpsp.gov.my	019-446 35 51
Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my	013-430 2096 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax)
En. Zulkiefly bin Saad (NGO) (Perlantikan Baru) zulkiefly@mpsp.gov.my	013-43 62 848 04-538 6848 (Fax)
En. Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my	012-4221133
En. Ong Koon Liak (DAP) klong@mpsp.gov.my	012-4277868 04-530 0363 (Tel) 04-538 6950 (Fax)
Puan Sarina binti Hashim (PKR) sarina@mpsp.gov.my	013-50 00 155
En. Md Jamil Bin Abd Rahman PAS) mdjamil@mpsp.gov.my	019-4490007

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPPP 2011 (1 JAN. 2011 - 31 DIS. 2011)**

Nama	Telefon
Zulkifi bin Mohd. Noor (DAP)	012-48 30 878
Harvindar a/l Darshan Singh (DAP)	012-428 22 50
Tay Leong Seng (DAP)	019-321 93 92
Lim Siew Khim (DAP)	016-531 60 26
Lim Cheng Hoe (DAP)	016-43 84 809
Tan Hun Wooi (DAP)	012-488 04 09
En. Ong Ah Teong (DAP)	012-4106566
Ooi Keat Hin (PKR)	016-41 71 331
Francis a/l Joseph (PKR)	012-47433 21
Cik Ramlah Bee Binti Asiahoo (PKR)	016-4222142
En. Mohamed Yusoff Bin Mohamed Noor (PAS)	04-6577464 (Tel) 012-4728114
Encik Iszuree Bin Ibrahim (PAS)	016-4433205 019-4507890
Sr. Mohd. Zahry bin Shaikh Abdul Rahim (NGO)	012-4726725
Encik Teh Lai Heng (DAP)	016-4459808
Encik Gooi Seong Kin (DAP)	016-4571271
Encik Prem Anand a/l Loganathan (DAP)	012-4122558
Encik Tan Seng Keat (PKR)	012-4386191
Tuan Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (PKR)	019-4560077
Muhammad Sabri Bin Md Osman (PKR)	013-4320207
Mohd Taufik Bin sulong (PKR)	012-4380873
Tahir Jalaluddin Bin Hussain (NGO)	012-4635959
Dr. Lim Mah Hui (NGO)	012-4221880
Encik Sin Kok Siang (NGO)	016-4222255

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

YAP LEE YING ZULIANA AZIZ NORSHAHIDA YUSOFF	AINUL WARDAH ZAINULFAQAR
Jurugambar: CHAN LILIAN ALISSALA THIAN	LAW SUUN TING MOHD. HAFIZ

sertai kami melalui "**sms blast**",
taip "**ADD ME**"

019 357 9726,
Talian Pejabat 04-650 5550, 04-650 5375

sertai kami melalui "**emel blast**"

unitkomunikasi@pejabatkm@gmail.com
pejabatpenerangankm@gmail.com

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.

Emel: suaracat@gmail.com

**Kalender Pelancongan
Pulau Pinang Disember 2011**

17hb Disember
All-Star National Chingay Competition
Esplanade, Penang



18hb Disember
Pesta Cingay, Lion & Dragon Dance Parade
Padang Brown ke City Hall, Esplanade



18hb Disember
Penang AAA Round The Island Relay
Pulau Pinang



24hb Disember
Christmas Eve & Christmas Parties
Upper Penang Road



24hb - 31hb Disember
Auto-City Christmas & New Year Countdown Fiesta
Auto-City, Juru



25hb Disember
Penang Chingay, Lion & Dragon Dance Parade Butterworth
MPSP Field, Butterworth, Jalan Bagan Luar ke Jalan Raja Uda



31hb Disember
New Year Countdown 2012
Esplanade, Queensbay Mall, Penang
Pesta Site, E&O Straits Quay, Auto City



31hb Disember
Malakoff Interstate Fellowship Ride
Youth Park - Autocity



Lanjutan Waktu Operasi Bukit Bendera & Keriangan Cuti Sekolah

Lanjutan Waktu Operasi
Weekday: 6.30am – 8.00pm (keretapi terakhir dari stesen atas)
Weekend: 6.30am – 10.00pm (keretapi terakhir dari stesen atas)

Nota : Kaunter tiket akan ditutup 1 jam sebelum keretapi terakhir turun.

Iklaneka



Buletin Mutiara boleh diperoleh di :


- Pejabat-pejabat ADUN
- Pejabat-pejabat Kerajaan Negeri
- Pejabat-pejabat PBA
- Bukit Bendera
- Pasaraya-pasaraya sekitar Pulau Pinang
- Hospital-hospital Kerajaan dan Swasta - Pejabat-pejabat NGO
- Edaran rumah ke rumah

Bagi Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :

Shawal Ahmad:
04 - 650 5550, 04 - 650 5256, 012 - 424 9004
shawal@penang.gov.my atau shawal_rnz@yahoo.com



KETUA MENTERI sambil ditemani Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus (kiri sekali) bergambar kenang-kenangan bersama *Minister for Police, Correctional Services, Emergency Services, Road Safety and Multicultural Affairs of South Australia*, Jennifer Rankie (duduk), selepas beliau selesai menandatangani buku pelawat di Pejabat Ketua Menteri, Komtar.



KETUA MENTERI (empat dari kanan) berjabat tangan dengan Senator Victoria, Australia, diiringi delegasi beliau yang mengadakan kunjungan rasmi ke sini baru-baru ini.



LYDIA Ong Kok Fooi (kanan sekali) mengusik mesra seorang bayi sambil diperhatikan Ketua Menteri pada Majlis Pelancaran Bilik Laktasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk kemudahan para penjawat awam yang bergelar ibu.



TUAN Yang Terutama Yang DiPertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas disambut mesra pada majlis sambutan Maal Hijrah 1433H/2011M Peringkat Negeri Pulau Pinang.



TOH Puan Datuk Seri Utama Hajah Majimor Shariff (kanan sekali) sambil ditemani Betty Chew meneliti kecantikan bunga-bunga orkid di Pesta Orkid, Taman Botani.



ISTERI kepada Ketua Menteri, Betty Chew ke-lihatan ayu mengenakan pakaian tradisional warisan baba nyonya bersempena pelan-caran Pinang Peranakan Mansion di sini.



LYDIA Ong Kok Fooi (kiri) bersama pembantu khas be-beraksi dengan motosikal mini bersempena pelancahan program Cub Prix di sini.



TUAN Yang Terutama Yang DiPertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas (kanan sekali) tersenyum riang sambil diperhatikan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd Jait (kiri sekali) pada Majlis Pelancaran Pesta Pulau Pinang 2011.

Helen Evelyn Kroger sambil



ANTARA pemandu kereta mewah tajaan Frank Muller yang mengadakan lawatan khas ke Pulau Pinang.



PENGURUSI Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi (dua dari kanan) bergambar kenang-kenangan bersama peserta-peserta 'Penang Beach Carnival 2011'.



SEKUMPULAN pelajar Sekolah Antarabangsa Tenby bergambar kenang-kenangan pada majlis pelancaran bangunan baru sekolah tersebut di Tanjung Bungah.



PENUNTUT-penuntut Universiti Sains Malaysia (USM) dan para belia turut mengenakan pakaian tradisional Thailand bersempena sambutan Hari Keputeraan Raja Thailand Ke-84 di sini.

Amalan 8S

semasa berurusan dengan pelanggan

SALAM	SEMPURNA
SAYANG	SENSITIF
SEGAK	SENYUM
SEGERA	SOPAN

<http://ebayar.penang.gov.my>



Pembayaran Bagi ...

- Cukai Tanah
- Pinjaman Penuntut
- Cukai Taksiran MPPP
- Cukai Taksiran MPSP

GOVPG@15888

Perkhidmatan SMS Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Sonarai Perkhidmatan Yang Ditawarkan

Semakan Status Rumah Kos Rendah
Semakan Status Pinjaman Penuntut
Semakan Status Baki Pinjaman Penuntut

Semakan Status Pembayaran Kontraktor
Semakan Status Pendaftaran Warga Emas
Semakan Status Cukai Tanah

sila klik untuk maklumat lanjut

15888 mudah.ringkas

Permohonan, Semakan Rumah Kos Rendah, Sederhana Rendah & Projek Perumahan Rakyat (PPR)

<http://erumah.penang.gov.my>

EZEG

Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Online Kerajaan Negeri Pulau Pinang

ePINTAS

Penang Information And Complaint System

<http://epintas.penang.gov.my>

Penang Information and Complaint System (ePINTAS) merupakan Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri yang membolehkan orang ramai membuat aduan, komen, teguran, cadangan dan pertanyaan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

Gerbang Aduan Bersepadu Kerajaan Negeri

JPS CARELINE 1 300 80 1010

Sebarang aduan tentang perkhidmatan JPS boleh disalurkan melalui JPS CARELINE 1-300-80-1010

i-Sejahtera

Sistem Penghargaan Warga Emas

<http://isejahtera.penang.gov.my>

warga emas miskin tegar

NOTIS PEMBERITAHUAN

MULAI 1 JULAI 2011,
PEMBAYARAN UNTUK SEMUA
URUSAN TANAH DENGAN
MENGGUNAKAN CEK
ADALAH
TIDAK DIBENARKAN
KECUALI
UNTUK BAYARAN
CUKAI TANAH SAHAJA

BERKUATKUASA 1 JULAI 2011

Notis Pemberitahuan - Tidak Membenarkan Penggunaan Cek Untuk Bayaran Urusan Tanah Kecuali Cukai Tanah

Penang TALENT

my Penang my workplace

www.penangcatcentre.my

you global gateway to Jobs in Penang

investPenang

Tel: 604-250 2170
Fax: 604-250 2171



PROMOSI ARTIS DAN PROGRAM PESTA PULAU PINANG 2011

PERSEMBAHAN ARTIS

BLACK MENTOR DAN 30 CENTS BAND	MEDITASI	ZAMANI SLAM
HAZAMA	MAY	LEFTHANDED REUNION
AISUNAM	XPDC	EZAD EXIST
KONSERT DANGDUT MAYA	KHALIFAH/SAKURA	RAJA LAWAK JAMBU DAN DARLING DANGDUT
KRISTAL	SIXTH SENSE	
SIXTH SENSE		

PERSEMBAHAN ANTARABANGSA

PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN SUMATERA UTARA
ASIAPACIFIC ENTERTAINMENT & ACROBATIC TROUPE SHANGHAI



PERTANDINGAN SUKAN

BADMINTON TERBUKA MELAYU PULAU PINANG	PENANG PESTA BADMINTON OPEN
PESTA TINJU 2011	PESTA MUAY THAI 2011
KABADI	

PERTANDINGAN BAKAT

BINTANG PESTA 2011	BINTANG KECIL PESTA 2011
IDOLA PESTA CONTEST(CHINESE)	PERTANDINGAN TEH TARIK

LAIN-LAIN PROGRAM

PERTUNJUKAN KUCING TERCANTIK	FESTIVAL BORIA
LC MOTOR SHOW	PESTA SILAT



*tertakluk kepada pindaan

Menarik Untuk Dikunjungi :-

- pertandingan tomoi
- pertunjukan ular
- taman tema Euro Fun Park
- pesta walk
- karnival membeli-belah



Untuk Maklumat Terkini, sila layari:
<http://www.facebook.com/Pesta Pulau Pinang>

TINTA PENGARANG

UMNO dan “luncai” menuju PRU13

BAHANG PRU13 makin terasa dan UMNO pun semakin panas kerana risau kehilangan tempat di hati rakyat. Pelbagai agenda dicongak oleh pemimpinnya yang semakin mabuk kuasa dan gentar kehilangan kuasa.

Perhimpunan Agung UMNO 2011 sibuk mencari “calon boleh menang” (*winnable candidate*) untuk masuk gelanggang pilihanraya umum ke 13 ini jelas membuktikan UMNO kini di dalam keadaan yang amat terdesak untuk mempastikan UMNO tidak tumbang kepada PR yang disifatkan sebagai “hero rakyat” yang mampu selamatkan Malaysia dari cengkaman kuku besi UMNO. Kriteria baru ini (calon boleh menang) sudah pasti akan meresahkan beberapa pimpinan atau “orang lama” UMNO yang selama ini berpegang kepada ciri kekananan dan senioriti seseorang dalam parti.

Ungkapan “calon boleh menang” jelas membuktikan sejak munculnya Pakatan Rakyat (PR), UMNO dan kroni-kroninya mempunyai ramai calon yang tidak boleh menang, dan kini terpaksa berhempas pulas mencari calon berkualipertama boleh diterima rakyat agar mimpi negeri 2008 tidak berulang lagi.

Di zaman teknologi maklumat hari ini, seseorang calon akan diteropong 360 darjah oleh rakyat. Sebarang kecacatan dan kelemahan akan terdedah. Calon si perasuah, si penipu, si pembohong, si bacul, si angkuh, si pengkhianat, si kaki botol, si kaki perempuan, si perogol, si penjudi, si pengebas, si pencarut, si lembik dan si lembu adalah mereka yang bakal ditolak untuk membarisi “calon boleh menang” pada PRU13. Namun tanpa mereka semua ini, UMNO sudah tiada calon, malah cukup ramai di dalam UMNO “calon kantoi” seperti ini.

Siapa lagi pemimpin yang disifatkan bersih dalam UMNO untuk ditonjolkan sebagai calon? UMNO menyedari bahawa rakyat semakin celik dan buka mata seperti yang dinyatakan oleh Presiden UMNO, Najib sendiri iaitu UMNO harus peka kepada pemikiran baru pengundi dan menguasai media baru atau menempa tragedi pada pilihanraya umum akan datang. Ternyata pucuk pimpinan UMNO semakin pening dan bingung memikirkan “trendsetter” baru pengundi yang kini dibayangi pula isu “lembu” oleh pemimpin wanita tertinggi UMNO, Datuk Sharizat Abdul Jalil sehingga menimbulkan pebalahan sesama ahli dalam satu “kapal”.

Kekebalan hati rakyat terhadap PR pula semakin menebal walaupun mereka terus disajikan fitnah dalam cubaan menjatuhkan pemimpinnya. Di Pulau Pinang, inisiatif untuk terus memartabatkan rakyat tetap terus dilangsungkan oleh kerajaan PR. Berikut adalah antara agenda dan kejayaan kerajaan PR Pulau Pinang yang patut dikongsikan dan diambil tahu kerana ianya adalah tunjang kepada

kepercayaan rakyat yang diberikan dalam tempoh sepenggal ini:

1. Pulau Pinang merupakan negeri yang meraih perlaban terbesar pada 2010, RM12.2 billion, iaitu yang paling tinggi dalam sejarah negeri ini.

2. Pulau Pinang dipuji sebagai negeri yang terbaik dalam pengurusan kewangan oleh Laporan Ketua Audit Negara dengan lebihan bajet RM1.13 bilion.

3. Pengurangan hutang yang paling besar di antara semua negeri sebanyak 95% atau RM600 juta daripada RM630 juta pada 8 Mac 2008 kepada RM30 juta pada akhir Oktober 2011.

4. Pulau Pinang telah berjaya mengurangkan kadar jenayah sebanyak 27% iaitu penurunan yang paling tinggi di Malaysia.

5. Pulau Pinang merupakan negeri pertama dalam usaha pemuliharaan alam sekitar dan kempen hijau, termasuk menjadi negeri pertama melarang penggunaan beg plastik.

6. Negeri tunggal yang dipuji oleh *Transparency International* atas usaha membendung rasuah dengan memperkenalkan tender terbuka.

7. Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang membasi miskin tegar dan membolehkan setiap keluarga memperoleh sekurang-kurangnya RM600 sebulan dan ingin menjadi negeri pertama membasi kemiskinan di Malaysia menjelang 2015.

8. Pulau Pinang merupakan negeri pertama melaksanakan dasar pro kebajikan rakyat dengan memberi sumbangan RM 100 setiap tahun kepada warga mas, ibu tunggal, OKU, pelajar Tahun 1 dan 4 serta Tingkatan 1 dan 4, serta bayaran “one-off” sebanyak RM200 kepada bayi kelahiran baru, RM1,000 kepada pelajar IPTA dan RM1,000 kepada waris-waris.

9. Pulau Pinang mencatat peningkatan bilangan penumpang udara yang tertinggi pada tahun 2010.

10. Pulau Pinang menyumbang lebih 60% daripada penerimaan pelancongan perubatan di Malaysia.

Senarai kejayaan ini mungkin mampu disangkal dan diracuni oleh UMNO melalui penguasaan media arus perdana yang menjadi medium informasi kepada rakyat, namun, semakin mustahil diterimapakai oleh rakyat Pulau Pinang khususnya yang melihat sendiri kerajaan PR Pulau Pinang berhempas-pulas terus mencipta kejayaan demi memperkasakan rakyat.

Berdasarkan pemerhatian, bukan “calon boleh menang” menjadi ukuran atau penentu kepada kemenangan PRU13 akan datang, sebaliknya usaha dan kebajikan yang telah ditaburkan atau dirangka kepada rakyat yang inginkan perubahan kepada sebuah Malaysia yang lebih makmur dan syumul.

Putera Pulau

Pentadbiran Khalifah Umar Abdul Aziz pemangkin urus tadbir KN



PARA peserta persidangan tekun mendengar perbahasan daripada wakil penceramah yang dijemput khas pada Persidangan Integriti Khalifah Umar Abdul Aziz 2011 baru-baru ini.

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

TANJUNG BUNGAH—Persidangan Integriti Khalifah Umar Abdul Aziz 2011 yang berlangsung baru-baru ini buat tahun ketiga bertemakan ‘*Unity of Man and Nature By Way of Integrity*’ telah dijadikan sebagai salah satu contoh kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) dalam mengurus tadbir negeri ini dengan mapannya kini.

Persidangan yang diperkenalkan sejak 2009 memperlihatkan perkembangan positif apabila berjaya menarik lebih kurang 200 penyertaan daripada sektor awam, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan untuk sama-sama bertukar-tukar pendapat dan memahami dasar Kerajaan Negeri bagi membaneras rasuah.

“Integriti bukan saja mengenai rasuah tetapi ianya bersifat lebih universal,” ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang turut membidas tuduhan yang dilemparkan kepadanya untuk menjadikan Khalifah Umar Abdul Aziz sebagai contoh di

dalam urus tadbir Kerajaan Negeri.

“Kita (Kerajaan Negeri) hari ini adalah untuk mencari penyelesaian baru. Kita tidak dapat selesaikan masalah sedia ada dengan menggunakan kaedah lama. Salah satunya adalah sistem tender terbuka. Yang mana ianya bersifat lebih telus untuk semua penduduk Pulau Pinang,” jelas beliau.

Dalam pada itu, Ketua Menteri turut menyatakan bahawa hasil usaha Kerajaan Negeri dalam menjimatkan kewangan dan menguruskan kewangan negeri dengan bersih menunjukkan bahawa prinsip Cekap, Akaunbel dan Telus (CAT) yang dipegang oleh kerajaan menampakkan kejayaan dan perlu dicontohi selepas mendapat pujian daripada Badan Transparensi Antarabangsa Malaysia dan Ketua Audit Negara.

Turut hadir pada persidangan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri bersama Penang Institute of Integrity ialah Penggerusi Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

BUKIT JAMBUL – Sebanyak 50 buah syarikat telah menerima anugerah penghargaan di ‘The 2nd Top 50 Enterprise Awards Malaysia 2011’ anjuran Persatuan Usahawan Maju Malaysia (PUMM), di sini baru-baru ini.

Antaranya, Boon Siew Group, IJM Corporation Berhad, SP Setia Berhad Group, Agape Superior Living Sdn. Bhd., Banner King Ads Sdn. Bhd., Delta Business Solutions Sdn. Bhd., Agro-Industries Supplies (M) Sdn. Bhd. dan Landmark Strategy Sdn. Bhd.

Majlis penganugerahan tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng. Turut hadir adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Menurut Pengerusi PUMM, Tan Lay Seong, penganjuran



BARISAN penganjur bergambar kenang-kenangan bersama Lim Guan Eng (lima dari kiri) dan Mohamed Nazri Abdul Aziz (empat dari kanan) sebelum bermulanya upacara majlis penyampaian penghargaan PUMM di sini.



LIM Guan Eng (barisan hadapan, dua dari kiri) bersama sebahagian penerima Augerah Emas ‘The 2nd Top 50 Enterprise Awards Malaysia 2011’.

50 syarikat terima anugerah khas PUMM

penyampaian anugerah bertemakan ‘Stature Redefined, Legacy Reaffirmed’ adalah bagi memberi penghargaan dan penghormatan kepada syarikat-syarikat di Malaysia yang mencapai tahap pencapaian yang memberangsangkan dan membanggakan.

“Sejak PUMM ditubuhkan,

kami (PUMM) berkerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan bagi mewujudkan suasana perniagaan yang harmoni dan juga bagi membangunkan

ekonomi dan pelaburan dalam negara.

“Malah, PUMM sentiasa memberi galakan kepada para usahawan terutama usahawan muda yang ingin bergiat dalam perniagaan serta memberi panduan kepada usahawan agar menyiapkan diri dan organisasi untuk berhadapan dengan cabaran globalisasi masa kini,” katanya pada majlis penyampaian anugerah di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ketua

Menteri ketika berucap menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan sentiasa menyokong usaha murni ke arah pemantapan ekonomi negara. Malah, Kerajaan Negeri kini telahpun mewujudkan ‘SME Village’ bagi membolehkan para pengusaha kecil dan sederhana memiliki bangunan atau kilang untuk pengeluaran produk sekaligus memberi platform kepada usahawan untuk mempromosi dan menjual produk mereka

sama ada dalam negara maupun di luar negara.

“Dengan urus tadbir CAT iaitu Cekap, Akauntabel dan Telus, serta pentadbiran yang mantap telah membolehkan Pulau Pinang mencatat jumlah pelaburan tertinggi di Malaysia iaitu RM12.2 bilion. Malah, buat julung kalinya mencatat peningkatan ekonomi sebanyak 8.1 peratus berbanding tahun sebelumnya 7.2 peratus bagi seluruh Malaysia,” ujar beliau.

KN pelawa IEM jadikan P. Pinang hub industri pintar

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Institut Jurutera Malaysia (IEM) negeri dipelawa untuk bersama-sama Kerajaan Negeri dalam melonjakkan Pulau Pinang sebagai bandaraya bestari bertaraf antarabangsa yang memiliki hab industri berteknologi tinggi, kata Y.A.B Tuan Lim Guan Eng.

Bercakap pada Majlis Makan Malam Tahunan IEM Ke-44 baru-baru ini, Ketua Menteri Pulau Pinang itu meletakkan harapan yang tinggi pada pertumbuhan tersebut supaya melahirkan lebih ramai lagi jurutera mahir khususnya dalam hal reka cipta.

“Untuk menjadi sebuah bandaraya bertaraf antarabangsa dan pintar, Pulau Pinang mesti menjadi hab industri berteknologi tinggi dan pusat inovasi dan kreativiti.

“Kita (Kerajaan Negeri) mesti mempunyai baka baru jurutera yang bukan sahaja berwibawa dalam kejuruteraan, bahkan dalam reka cipta,” ujar beliau pada Majlis Makan Malam Tahunan IEM Ke-44 di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, zaman sekarang memperlihatkan reka cipta yang memacu kejuruteraan, bukanlah sebaliknya seperti zaman dahulu.

“Lihatlah kebolehupayaan reka cipta Apple



LIM Guan Eng menerima cenderamata penghargaan daripada wakil IEM pada Majlis Makan Malam Tahunan IEM Ke-44 di sini baru-baru ini.

untuk memacu kejuruteraan pembuatan yang begitu hebat lagi menarik.

“Kita (Pulau Pinang) percaya bahawa kedua-dua aspek tersebut (iaitu) kejuruteraan dan reka cipta adalah sama penting. Kita mempunyai keupayaan untuk menghasilkan kejuruteraan (reka cipta) dan jurutera yang terbaik,” ujarnya.

Beliau turut memuji pereka Jambatan Pulau Pinang, Prof. Chin Fung Kee di majlis itu.

“Lihatlah Prof Chin Fung Kee yang bukan sahaja menjadikan Malaysia bangga dengan kemahiran kejuruteraan Jambatan Pulau Pinang, malah merupakan pereka cemerlang sehingga bentuk jambatan itu dianggap salah satu 10 struktur buatan manusia terbaik di Malaysia,” ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada IEM atas rekod sumbangannya membangunkan negeri berkenaan.

Majlis itu dihadiri oleh Presiden IEM, Vincent Chen, Ir. Ng Sin Chie (Presiden IEM Pulau Pinang), Ir. Lim Kok Khong (Pengerusi jawatankuasa penganjur Majlis Makan Malam Tahunan IEM Ke-44) dan Ir. Dr. Cheong Kuan Yew (Pengerusi Divisi Kejuruteraan Elektronik Teknikal IEM).

PENIMEX tarik pelabur tempatan & antarabangsa

BAYAN BARU – Ekspos PENIMEX 2011 yang julung kali diadakan dilihat sebagai salah satu acara yang bukan sahaja mampu menarik para pelabur tempatan malah mampu menarik perhatian pelabur dari luar negara.

Menurut Jawatankuasa Penganjur, Presiden Penang Chinese Chamber of Commerce, Tan Sri Datuk Tan Kok Ping, ekspos PENIMEX merupakan ekspos yang memfokuskan gaya hidup masyarakat masa kini. Malah penganjuran yang turut mendapat sokongan Kerajaan Negeri ini turut dilihat sebagai titik tolak kepada pengusaha-pengusaha peralatan dan perkakasan rumah serta peralatan mesra alam sekitar untuk mempromosikan produk mereka bagi pasaran tempatan dan antarabangsa.

Dalam pada itu, Presiden Penang Importers and Exporters Association (PIEA), Teoh Si Kiang yang juga merupakan Jawatankuasa Penganjur turut menyatakan bahawa penyertaan PIEA dalam ekspos ini bukanlah semata-mata untuk mempromosikan para pelabur yang mengeksport dan mengimport produk-produk seperti produk berdasarkan peralatan rumah, malah juga peralatan pejabat, pakaian, perabot dan lain-lain produk yang mempunyai kepakaran dalam industri pembuatan.

Tambah beliau lagi, PIEA yang ditubuhkan pada 1945 juga bertindak sebagai pemudahcara kepada para pelabur dan turut menggalakkan perhubungan yang erat antara para pelabur (*mutual assistance and closer relationship*) demi mewujudkan keharmonian dalam bidang perindustrian.

PIEA merupakan wakil kepada beberapa badan dan pengurusan antaranya Penang State Committee for Trade and Commerce, Penang Port Management Committee, Penang Port Commission, Penang Port Consultative Committee, Penang Customs Liaison Committee dan Trade Promotion Northern ASEAN Region Committee.

Hadir merasmikan ekspos tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng menzahirkan rasa terima kasih kepada PIEA kerana menjemput beliau merasmikan ekspos yang dilihat sebagai langkah permulaan yang baik bagi mewujudkan persekitaran kompetatif dalam bidang perindustrian sekaligus mengangkat nama Pulau Pinang sebagai negeri perindustrian yang dinamik dan mampu bersaing di persada antarabangsa.

Pasar Bayan Baru tapak hasil baja kompos

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

BAYAN BARU – Atas usaha ke arah Pulau Pinang Bersih dan Hijau, Kompleks Pasar Awam Bayan Baru telah dijadikan satu platform oleh Kerajaan Negeri untuk menjalankan aktiviti penghasilan baja kompos daripada sisa makanan terbuang dengan menggunakan teknologi pengkomposan ‘takakura’.

Penghasilan baja melalui pengkomposan tersebut adalah dengan menggunakan sisa makanan hasil jualan harian penjaja Kompleks Pasar Awam Bayan Baru dan ianya merupakan alternatif untuk mengelakkan pencemaran alam sekitar dan tapak pelupusan sampah yang semakin sarat kini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin ketika melakukan lawatan teknikal berkata, terdapat 12 tong penapaian dan sebuah mesin pemprosesan disediakan dan ditempatkan di belakang kompleks tersebut bagi memudahkan pekerja Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengumpulkan sisa makanan harian.

“Baja akan dihasilkan dalam tempoh 28 hari dengan anggaran sebanyak 12,000 liter baja kompos dihasilkan dalam tempoh tersebut,” katanya di sini baru-baru ini.

Tambah Tze Tzin, setakat ini seramai 50 penjaja membekalkan sisa makanan dan buah-buahan

untuk diproses menjadi baja. Hanya bahan-bahan makanan tertentu sahaja yang akan digunakan bagi memastikan kandungan baja yang dihasilkan tidak tercemar dan berkualiti.

“Pasar Bayan Baru merupakan satu-satunya pasar di Pulau Pinang yang menjalankan aktiviti ini. Projek ini telah dimulakan sejak enam bulan lalu untuk menghasilkan baja kompos daripada sisa makanan seperti nasi putih dan juga buah-buahan.

“Selain daripada kebaikan

mengitar semula, tenaga kerja, kos penyelenggaraan sampah dan pengangkutan juga dapat dikurangkan,” ujarnya.

Turut menghadiri lawatan di kompleks tersebut ialah Ahli Majlis MPPP, Ramlah Asiahoo dan Mohd. Rashid Hasnon.

SIM TZE TZIN (dua dari kiri) tekun mengadakan perbincangan dengan para pengunjung dan penjaja Medan Selera Bayan Baru, di sini baru-baru ini.



Denda RM250 buang sampah keluar kenderaan

BUTTERWORTH – Orang awam yang ditangkap membuang sampah keluar dari kenderaan di sekitar Seberang Perai akan dikenakan denda atau kompaun maksimum RM250 dari Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan Dan Pengurusan Lalulintas Negeri, Chow Kon Yeow baru-baru ini berkata, langkah proaktif itu demi menjayakan lagi kempen kesedaran “Pulau Pinang Bersih dan Hijau” yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri sejak 22 Mei tahun lepas.

Menurut beliau, Singapura berjaya mengekalkan tahap kebersihan dan kehijauan di negara berkenaan disebabkan langkah penguatkuasaan dan kempen kesedaran dilakukan secara proaktif, bersepadan dan seiringan.

“Denda (kompaun maksimum RM250) merupakan salah satu proses (dalam) kempen kesedaran awam ini. Kita harap, Pulau Pinang boleh menjadi seperti Singapura yang bersih lagi hijau.

“Sebenarnya, negara itupun mengambil masa yang begitu lama, kira-kira lima (sehingga) 10 tahun untuk meniupkan kesedaran ini,” ujarnya.

Pengumuman itu dibuat bersama-sama Ahli Majlis MPSP, Soon Lip Chee pada majlis mengedarkan 15,000 pelekat kenderaan ‘Cleener Greener Penang’ di perkarangan Stesen Minyak Petronas, Jalan Raja Uda, di sini.

Bercakap pada sidang media sama, Lip Chee berkata, pihaknya sebelum ini pernah menguatkuasa kompaun maksimum RM250 di beberapa lokasi lampu trafik pada jalan-jalan utama sekitar Seberang Perai.



Namun, katanya lagi, orang awam yang ditangkap kebanyakannya menganggap amanah menjaga kebersihan di negeri ini adalah tanggungjawab MPSP dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) semata-mata.

SALAH seorang pemandu lori menunjukkan pelekat ‘Cleener Greener Penang’ yang dilekatkan pada cermin kenderaan di perkarangan Stesen Minyak Petronas, Jalan Raja Uda, di sini.

Bas sekolah ‘Bersih dan Hijau’ dilancar

GEORGE TOWN – Ekoran inisiatif Kerajaan Negeri untuk memelihara serta memulihara alam sekitar agar sentiasa bersih dan hijau, langkah terbaru yang diambil adalah dengan menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama mengetengah dan mempromosikan konsep Bas Sekolah Bersih dan Hijau.

Pendekatan sulung tersebut adalah hasil kerjasama Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas dengan sebuah syarikat pengiklan yang dilantik dan diberikan tanggungjawab sepenuhnya di dalam pelaksanaan projek, Kuasa Media Adv. Sdn. Bhd..

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, projek terbabit dilancarkan seiringan dengan hasrat Kerajaan Negeri ke arah sifar sampah dan sisa buangan. Justeru, ianya wajar

dimula dan diterapkan dalam kalangan pelajar sekolah sejak dari kecil.

“Meluntur buluh biarlah dari rebungnya. Pendedahan awal kepada pelajar untuk menjaga alam sekitar adalah penting. Oleh itu, bas sekolah adalah medium dan platform terbaik untuk Kerajaan Negeri menyampaikan mesej ini kepada pelajar.

“Projek ini juga dapat menyelesaikan masalah para pengusaha bas sekolah di negeri ini untuk menambahbaik keadaan bas mereka dan pada masa sama dapat menjana pendapatan sampingan daripada hasil pengiklanan,” ujarnya pada majlis perasmian di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Tambah Kon Yeow, sektor korporat, swasta dan pengiklan adalah dialu-alukan untuk turut serta mengambil bahagian bagi mengiklankan produk dan jenama mereka.



CHOW Kon Yeow (kiri) bersama dengan wakil penaja (kanan) menunjukkan pelekat ‘Cleaner, Greener School Bus Penang’ yang bakal menghiasi bas sekolah di negeri ini.

Chong Wei, Nicol atlit terbaik



Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Atlit kebangsaan, Lee Chong Wei dan Nicol Ann David, masing-masing dinobat sebagai Olahragawan dan Olahragawati Terbaik Pulau Pinang 2010 pada Majlis Anugerah Sukan Perdana Tuan Yang diPertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas di sini baru-baru ini.

Chong Wei yang merupakan anak jati Pulau Pinang telah dinobatkan Anugerah Perdana Atlit Paling Cemerlang 2010 dan pernah menerima anugerah yang sama sebanyak empat kali sejak mula diperkenalkan pada tahun 2004. Bagaimanapun, Chong Wei dan Nicol yang kini berada di Macau dan Amsterdam diwakili ahli keluarga masing-masing.

Bagi Desmond David yang mewakili anaknya Nicol berkata, beliau berharap dengan kemenangan tersebut akan membuatkan Nicol lebih bersemangat untuk terus mengekalkan prestasi

LEE Chong Eng (tiga dari kiri) mewakili Lee Chong Wei menerima anugerah tertinggi daripada Abdul Rahman Abbas (tengah) sambil diperhatikan Lydia Ong Kok Fooi (kiri), Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (dua dari kiri), Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain (dua dari kanan), dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus (kanan sekali).

cemerlangnya pada masa hadapan.

“Kami amat berbangga dengan anugerah yang diterimanya ini,” ujarnya selepas menerima anugerah daripada Tuan Yang Terutama Yang diPertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas di sini baru-baru ini.

Antara penerima anugerah lain pula menyaksikan Pasukan Karate Lelaki dan Wanita dipilih sebagai pasukan terbaik dalam kategori masing-masing apabila mengungguli empat anugerah yang dipertandingkan. Sekaligus Lim Chee Jin selaku jurulatih turut menggondol Anugerah Jurulatih Terbaik.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Lydia Ong Kok Fooi yang hadir sama berkata, setiap atlit dinilai berdasarkan mutu kecemerlangan yang dicapai pada tahun lepas.

“Anugerah yang diterima diharap dapat meningkatkan motivasi untuk para atlit untuk terus mencipta kejayaan di pentas antarabangsa,” ujarnya.

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

GEORGE TOWN – Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang sebagai ‘Breastfeeding Friendly State’, sebuah bilik laktasi iaitu bilik menyusu dan juga bagi memberi kemudahan kepada penjawat awam bergelar ibu untuk mengepam susu telah dirasmikan di tingkat 47, Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) di sini baru-baru ini.

Bilik Laktasi hasil inisiatif khas Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi adalah yang pertama diwujudkan di pejabat Kerajaan Negeri bagi kemudahan ibu-ibu (penjawat awam) bekerja.

Majlis perasmian Bilik Lak-

Bilik Laktasi pertama untuk kakitangan kerajaan di tingkat 47

tasi telah disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng. Penggunaan kemudahan Bilik Laktasi adalah terbuka untuk semua penjawat awam yang bergelar ibu. Waktu operasi adalah mengikut masa pejabat.

Guan Eng berkata, beliau berasa bangga dengan kewujudan kemudahan tersebut yang sekaligus membuktikan bahawa usaha Kerajaan Negeri ke arah kesaksamaan jantina ternyata utuh dan berterusan.

“Bilik laktasi ini merupakan

bilik laktasi yang pertama diwujudkan dalam premis pejabat penjawat awam di Pulau Pinang. Malah, saya difahamkan bahawa ianya juga merupakan kemudahan pertama yang disediakan kepada golongan wanita khususnya penjawat awam di Malaysia,” ujar Guan Eng.

Selain itu, beliau turut menyarankan agar jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan yang lain dapat mengikuti langkah murni tersebut dengan turut mengambil inisiatif mewujudkan sebuah bilik laktasi di jabatan masing-masing.

“Kita (Kerajaan Negeri) jaga dari lahir (merujuk kepada Program Anak Emas) sampai tua (merujuk kepada Program Penghargaan Warga Emas),” ujar Guan Eng.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa, Kok Fooi berkata bahawa Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM50,000 untuk tahun 2012 bagi tujuan mempromosikan kebaikan susu ibu, mengadakan bengkel, seminar dan program-program berkaitan ibu dan bayi.



LIM Guan Eng (kiri sekali) beramah mesra dengan ibu-ibu yang menggunakan kemudahan Bilik Laktasi yang terletak di tingkat 47, Komtar sambil diperhatikan oleh Lydia Ong Kok Fooi (kanan sekali).



SEBAHAGIAN peserta bersemangat ingin memulakan larian ‘Allianz Penang Bridge International Marathon’.

‘Allianz Penang Bridge International Marathon’ pecah rekod

Oleh: ZULIANA AZIZ

GEORGE TOWN – Jambatan Pulau Pinang merupakan satu simbol ikon negeri Pulau Pinang yang dikenali di seluruh dunia. Satu laman web telah meletakkan Jambatan Pulau Pinang antara 10 struktur binaan manusia yang paling seksi di dunia.

Larian Jambatan Pulau Pinang yang diadakan saban tahun juga telah mempopularkan nama negeri ini di seluruh Malaysia dan di mata dunia.

Pada tahun ini, ‘Allianz Penang Bridge International Marathon’ telah mencatat jumlah penyertaan sebanyak 27,500 orang, sekaligus memecah rekod Larian Jambatan yang terbesar di Malaysia dan telah diiktiraf oleh ‘Malaysian Book of Records’.

“Lebih 1,500 pelari merupakan pelari antarabangsa yang terdiri daripada 67 negara termasuk Singapura, Indonesia, Thailand, Jepun dan United Kingdom.

“Saya difahamkan bahawa kesemua hotel yang berdekatan telah penuh ditempah oleh pelari-pelari marathon. Ini membuktikan bahawa ‘Allianz Penang Bridge International Marathon’ berupaya menjana pulangan yang lumayan kepada sektor pelancongan dan ekonomi negeri Pulau Pinang,” ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa merasmikan larian separuh dan penuh marathon di Queensbay, di sini baru-baru ini.

Difahamkan, terdapat lebih 400 pelari merupakan warga emas berumur lebih dari 60 tahun turut menyertai larian tersebut.



ANTARA pengunjung yang bertandang bagi merasa keenakan Laksa Janggus.

Oleh: YAP LEE YING
Gambar: AHMAD FARHAN MOHAMAD FAUZI &
IDZHAM AHMAD

KOMITED dengan tanggungjawab sebagai seorang ibu, Fatimah Saad, 43, atau lebih mesra dengan panggilan ‘Kak Timah’ mengambil keputusan untuk berhenti kerja dan menjalankan perniagaan kecil-kecilan dengan menjual laksa berharga 30 sen semangkuk dan air minuman diberikan secara percuma.

Walaupun waktu perniagaannya adalah pada jam 4 petang, setiap hari, beliau bangun seawal 6 pagi untuk masak 2 kilogram ikan sardin bagi dijadikan kuah laksa dan kemudian mandikan dua cahaya mata serta arwah ibu mertuanya yang mengidap penyakit diabetes.

“Dengan penat lelah tersebut, kadang-kadang berniaga hanya dapat sekupang dan kadang-kadang tak laku langsung.

“Memang saya kecewa, tapi di atas suntikan semangat daripada ibu mertua, saya buat juga. Setiap hari, sambil berniaga, saya jaga dia (ibu mertua) dan anak-anak sehingga perniagaan menampakkan hasil sehingga ke hari ini,” kata Kak Timah yang merupakan pemilik Restoran Laksa Pokok Janggus ternama di Kampung Perlis, Balik Pulau.

Kini, setiap hari, Kak Timah perlu masak 200 kg ikan sardin bagi memenuhi permintaan harian pelanggannya. Harga jualan laksa juga telah dipelbagai dari RM2.50 hingga RM3.50 bergantung kepada variasi dan lauk-pauk sampingan pellbagai citarasa.

Menjelang musim perayaan, laksa Kak Timah turut mendapat tempahan dari Kuala Lumpur dan juga dari serata negeri di Semenanjung Malaysia.

Bagi mengembangkan perniagaannya, Kak Timah berharap dapat mempelopori bidang sejuk beku laksa



KAK Timah dan suaminya menunjukkan papan tanda Restoran Laksa Janggus miliknya.

WAKTU BERNIAGA

Setiap hari kecuali Rabu
3.30 petang – 8 malam

Ramuan segar keistimewaan Laksa Janggus, Balik Pulau



KAUNTER jualan mesra pelanggan Laksa Janggus.

cptaannya bagi dipasarkan ke pasaraya-pasaraya tempatan dan juga luar negara. Namun, ekoran keperluan untuk menghadiri kursus yang diwajibkan, Kak Timah terpaksa menangguhkan niat tersebut.

Ini kerana, menurut Kak Timah, sekiranya beliau pergi berkursus, tiada siapa yang akan mengantikannya menyediakan kuah laksa yang dianggap istimewa dan lain daripada yang lain. Tambahan pula, beliau berasa simpati sekiranya terdapat

orang awam yang datang dari jauh untuk merasai laksanya tapi tidak kesampaian.

Ketika ditanya mengenai resipi kuah Laksa Janggus, Kak Timah menyatakan bahawa ia langsung tidak berkaitan dengan buah janggus, sebaliknya, resipi kuah laksa beliau pada asalnya adalah daripada ibunya.

“Sejak kecil, saya minat memasak. Apabila Mak masak, saya tengok dan dari situ saya ubahsuai sendiri resipi sedia ada,” katanya kepada Buletin



LAKSA Janggus.



KAK Timah.

Mutiara (BM) sambil menjelaskan bahawa nama restorannya adalah berasal dari pokok-pokok janggus yang banyak terdapat di sekitar kawasan berkenaan.

Dengan bantuan seramai enam pekerja tetap, selain Laksa Janggus, antara sajian yang turut disediakan adalah keow teow thing, pisang serta ubi goreng dan ais batu campur (ABC).

Bagi sebarang tempahan, sila hubungi Kak Timah pada talian 012 – 472 8819.



PREM Anand.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **IDZHAM AHMAD & FAIL MPPP**

PERCAYA atau tidak, hampir 90 peratus papan iklan di bahu-bahu jalan sekitar Georgetown langsung dibina secara ‘haram’.

Mereka yang berkenaan bukan sahaja tidak memohon lesen daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), malah tiada insurans bagi papan-papan mega berkenaan jika tumbang ke atas mana-mana premis atau kehilangan jiwa.

Wartawan Buletin Mutiara (BM) **ZAINULFAQAR YAACOB** ada butirannya hasil wawancara dengan **Ahli Majlis MPPP, PREM ANAND**.

BM : Sejauhmana papan iklan ‘haram’ ini wujud di Pulau Pinang?

Prem : Sukar untuk mencari papan iklan yang sah mendapat lesen daripada majlis (MPPP) sama ada di jalan bandaran hatta di sekitar lebuh raya sendiri. Ada syarikat-syarikat ini sudah mempunyai nama yang begitu besar di negeri ini. Kalau disebut, tentu ramai yang terkejut kerana perniagaan mereka pun dilakukan secara ‘haram’.

Papan iklan haram yang banyak ini sebenarnya wujud sejak zaman kerajaan Barisan Nasional (Pulau Pinang) dulu lagi. Tiada (pihak berkuasa) yang melarang (tetapi) yang membuat perniagaan, ada.

Sekarang, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru mula menangani kes-kes ini secara cermat dan berperingkat sebab kepimpinan kerajaan (Pulau Pinang) yang baru muahay rakyat melihat perbezaan antara urus tadbir pihak berkuasa tempatan (PBT) sekarang ini mesti lebih baik dari (era kerajaan negeri) dahulu.

BM : Bolehkah Tuan menjelaskan mengenai langkah-langkah MPPP yang dikatakan cermat serta berperingkat dalam menangani isu papan tanda ‘haram’ ini?

Prem : Selepas penguatkuasaan dilaksanakan, majlis menerima 325 permohonan. 216 daripadanya diluluskan. 109 lain ditolak kebanyakannya disebabkan syarikat-



KESAN pokok yang ditebang secara haram di sekitar George Town bagi memenuhi perniagaan papan iklan ‘haram’.

Papan iklan wajar diurus secara langsung oleh majlis – Ahli Majlis MPPP, Prem Anand



WAWANCARA bersama Prem Anand (tengah) sambil ditemani Pegawai Bahagian Perlesenan MPPP, Mohd. Nazree Mohd. Jefri (kanan).

syarikat iklan terbabit sendiri tidak menyerahkan semula beberapa dokumen permohonan kepada MPPP secara lengkap.

Sehingga hari ini, kira-kira 13 papan iklan ‘haram’ telahpun diturunkan. Salah satunya, kita turunkan selepas dikesan syarikat pengiklanan terbabit telah mengupah kontraktor untuk menebang pokok yang kita (MPPP) tanam dengan tujuan untuk mendirikan papan iklan haram.

Dalam bulan ini (Disember) juga, akan diadakan taklimat daripada (Bahagian) Perlesenan, (Bahagian) Kejuruteraan dan (Bahagian) Penguatkuasaan untuk menyelaras garis panduan.

Kalau boleh, urusan papan iklan ini diuruskan secara langsung oleh majlis (MPPP) sebagaimana di MBPJ (Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Selangor), di mana hasil kutipan pengiklanan yang diselaraskan oleh majlis tersebut berjaya mencecah lebih RM7 juta setahun (2010).

Bayangkan sekiranya urusan perlesenan dan kutipan ini dirundungkan secara berpusat oleh majlis sahaja, kira-kira RM7 juta mungkin boleh disalurkan pada

MPPP dan Kerajaan Negeri.

BM : Soalan ini mungkin sedikit di luar konteks. Adakah Tuan berpuas hati dengan inisiatif yang telahpun berjaya dilakukan ini demi memenuhi kepentingan negeri dan rakyat?


Prem : Apa yang kita buat sekarang masih belum memadai untuk menjadikan George Town benar-benar diangkat sebagai bandar raya pintar bertaraf antarabangsa. Ketua Menteri Pulau Pinang (Y.A.B Tuan Lim Guan Eng) mahu pengurusan MPPP lebih pintar (supaya) rakyat merasai perkhidmatan yang setimpal dengan cukai yang mereka bayar.

Kalau ditanya saya sendiri, saya sendiri pernah jadi orang bawahan ketika era kerajaan (negeri) lama. Saya selalu gesa penguatkuasaan itu dan ini demi kepentingan rakyat terbanyak di



KERJA-kerja menurunkan papan tanda ‘haram’ di George Town bukti komitmen Bahagian Penguatkuasaan MPPP.

Lima premis kotor diarah tutup dua minggu



WONG Kee Poh sedang menampal notis penutupan premis perniagaan di sebuah kedai yang didapati melanggar peraturan MPPP dan Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut.

Oleh: NORSHAHIDA YUSOFF

GEORGE TOWN – Sebanyak lima premis telah menerima notis penutupan premis perniagaan mereka selama dua minggu kerana tidak mematuhi Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-undang Kecil Establishmen Makanan 1991 dan Seksyen 11, Akta Makanan 1983.

Perintah notis tersebut dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut ekoran operasi penguatkuasaan ke atas premis-premis makanan di sini baru-baru ini.

Operasi melibatkan kawasan Lebuh Pasar, Lebuh King, Lebuh Queen dan Lebuh Chulia berkenaan diketuai oleh Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong dan Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut, Wong Kee Poh.

Ah Teong berkata, antara sebab premis-premis berkenaan diarahkan tutup dan dikenakan kompaun adalah berikutan keadaan premis yang kotor, makanan tercemar dan pekerja tidak diberikan suntikan pelalian *Anti-Typhoid*.

“Ekoran arahan penutupan tersebut, kita (pihak penguatkuasa) telah melekatkan notis bertulis di premis-premis terbabit. Justeru, mereka (pemilik premis) yang bertindak menanggalkan notis arahan tutup premis atau ingkar boleh dikenakan hukuman lima tahun penjara atau denda RM30,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan,” tegas beliau kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

MPPP peka - papan iklan haram dirobohkan

PAPAN iklan gergasi haram di persimpangan Crystal Point dirobohkan oleh pasukan Bahagian Pengawal MPPP dengan bantuan sebuah kren di sini baru-baru ini.



ABDUL Halim Hussain (enam dari kiri) menunjukkan papan tanda laluan Balik Pulau Eco Bike Trail yang disediakan oleh MPPP sebagai petunjuk arah kepada pengayuh basikal.

Laluan basikal tarikan baru Balik Pulau

BALIK PULAU – Bagi membolehkan peminat sukan berbasikal di negeri ini beriadah dengan lebih selesa dan mengurangkan risiko kemalangan, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif khas dengan memasang 51 papan tanda di sepanjang trek laluan basikal, *Balik Pulau Eco Bike Trail*.

Balik Pulau Eco Bike Trail yang julung kali disediakan tersebut adalah meliputi laluan sepanjang 20 kilometer di Balik Pulau dan kos pemasangan papan tanda adalah berjumlah RM30,000 di bawah Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain dan Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Bandar dan Desa, Perumahan

Tun Dr. Awang, Jalan Sungai Nibong, Crystal Point, Bayan Baru dan Persiaran Gurney.

Menurutnya, tindakan perobohan dilakukan pada waktu malam bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas berikutan faktor tiang papan iklan yang bersaiz besar dan memerlukan bantuan kren.

“Kesemuanya dijangka habis dirobohkan sebelum hujung Disember. Kompaun RM250 akan dikenakan bagi setiap papan iklan haram yang dipasang. Walaupun jumlahnya kecil, namun, jumlah kerugian yang ditanggung adalah lebih besar iaitu anggaran di antara RM50,000 hingga RM100,000 bagi menurunkan sesebuah papan iklan,” ujarnya.

Tambahnya, operasi dari masa ke masa akan tetap dijalankan memandangkan kebanyakannya sepanduk, banting dan iklan gergasi yang dipasang tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan akan mengundang risiko kepada orang awam.

MPSP jalankan penggredan makanan setiap bulan

Oleh: ZULIANA AZIZ

SEBERANG PERAI – Kempen-kempen kebersihan yang giat dijalankan oleh Majlis Perbandaran Sebrang Perai (MPSP) mendapat sambutan menggalakkan dari warga Seberang Perai dalam usaha menjadikan Pulau Pinang lebih hijau dan bersih.

Kempen-kempen kebersihan bukan saja dilaksanakan di tempat-tempat awam, malah, kebersihan premis

makanan juga dititikberatkan bagi menjamin keselamatan dan kesihatan pengguna yang menjamu selera.

Menurut jurucakap MPSP, Soon Lip Chee, terdapat segelintir pemilik premis makanan yang tidak mematuhi peraturan dan mengabaikan aspek kebersihan melalui operasi yang dijalankan bersama Kementerian Kesihatan setiap bulan.

Bagi memastikan pemilik mematuhi peraturan, penggredan makanan dibuat

kepada semua premis makanan bagi memudahkan pengguna membuat penilaian serta memudahkan pihak berkuasa menjalankan siasatan terperinci.

Penggredan makanan bertujuan memberi kesedaran kepada pemilik premis dalam mempertingkatkan dan mengekalkan tahap kebersihan premis makanan masing-masing. Cara penyediaan makanan yang betul diberi penekanan bagi mengelakkan dari pelbagai penyakit berjangkit bawaan

makanan dan minuman seperti taun, demam kepialu dan keracunan makanan.

Selain itu, pengguna juga dinasihatkan supaya menilai serta memilih premis makanan yang sentiasa menjaga kebersihan, mengikut garis panduan dan undang-undang.



SOON Lip Chee menunjukkan air yang kotor di belakang sebuah premis makanan di Kampung Benggali, Butterworth di sini

SENARAI KONTRAKTOR PEMBERSIHAN PASAR AWAM

Tempoh berkhidmat : 1/10/2011 – 30/9/2013

BIL PAKEJ	NAMA	NAMA PEMEGANG LESEN/NO.TEL
1 Pasar Awam Kepala Batas	Xifa Abadi Sdn. Bhd.	Aida Shazenee bt. Abd Karim Tel : 019-4474441
2 Pasar Awam Penaga & Sri Bandar	Semaian Kenari	Dazari bin Jalani@Darus Tel : 04-5516484/ 019-4466311
3 Pasar Awam Tasek Gelugor & Sg. Dua	Damai Delima Enterprise	Ahmad Suhaimi bin Ishak Tel : 019-4748090 Emel : damai007@gmail.com/damai.delima@gmail.com
4 Pasar Awam Sri Uda & Taman Bagan	Sutera Damai Enterprise	Moktar bin Mohamad Tel : 019-4757107
5 Pasar Awam Bukit Mertajam	SL Ceria Enterprise	Sajahan bin Jahanger Shariff Tel : 019-4484437/ 04-6595049
6 Pasar Awam Berapit, Kota Tinggi & Kota Permai	SMC Prospect Sdn. Bhd.	Muhammad Noor bin Che Man Tel : 013-538539 Emel : smcprospect@yahoo.com
7 Pasar Awam Kampung Baru	Fenhas Enterprise	Mohamad Afendi bin Azni Tel : 04-3323248/ 012-5867724
8 Pasar Awam Taman Chai Leng	Syarikat Eqrar Trading	Rahimi bin Kapoor Rahim Tel : 016-4505801/ 017-4364610
9 Pasar Awam Seberang Jaya	D Naufal Enterprise	Nor Azian bt Saad Tel : 012-5438827
10 Pasar Awam Sri Rambai	Pentas Gerak Maju Enterprise	Mohd Nasrul bin Junid Tel : 016-4144800
11 Pasar Awam Tasek Mutiara, Tambun Indah & Tmn Pekaka	Jaliah Enterprise	Jaliah binti Hassan Tel : 019-4748190 Emel : jaliahassan@yahoo.com
12 Pasar Awam Taman Berjaya	ASE Solution	Salma binti Mohamed Rawter Tel : 016-4505801

Cabutan bertuah buat pembayar cukai ‘bertuah’

SEBERANG PERAI – Para pembayar cukai taksiran bagi daerah Seberang Perai berpeluang untuk memenangi hadiah-hadiah cabutan bertuah sekiranya mereka membayar cukai secara ‘one-off’ dalam tempoh antara 1 Disember hingga 31 Disember 2011 bagi tahun 2012.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) selaku pihak berwajib membuat keputusan untuk menukar format pada tahun ini bagi menggalakkan orang

ramai menjelaskan cukai taksiran masing-masing dalam tempoh tersebut.

Sebelum ini, pembayar cukai yang membayar secara ‘one-off’ akan diberi kupon meletak kenderaan percuma di kawasan Seberang Perai.

Menurut Ahli Majlis, Soon Lip Chee, MPSP memperuntukan hampir RM20,000 bagi tujuan membeli hadiah-hadiah cabutan bertuah tersebut. Namun, jika pembayar mempunyai tunggakan tahun-tahun sebelumnya, pembayar harus menjelaskan kesemua tunggakan termasuk bayaran untuk 2012 bagi melayakkan mereka mendapat cabutan bertuah tersebut.

Terdapat 30 hadiah yang bakal menjadi rebutan seperti kelengkapan elektrik, Samsung Galaxy Ace, Samsung Galaxy Y, Netbook dan hadiah utama berupa satu unit Ipad 2 (64GB) serta WiFi+3G).

MPSP mengalu-alukan orang ramai untuk membayar cukai segera dan bagi mereka yang masih belum menerima bil, bolehlah melayari lama web www.mpsp.gov.my untuk mencetak bil masing-masing.

Bayaran boleh dibuat terus di kaunter MPSP atau melalui ejen-ejen (bank), pejabat pos, online dan mana-mana cawangan MPSP (Sungai Jawi dan Butterworth).



SOON Lip Chee (tengah) di samping ahli-ahli majlis menunjukkan sepanduk memaparkan hadiah-hadiah cabutan bertuah yang bakal dimenangi oleh pembayar cukai bertuah.

Masalah longkang tersumbat selesai



SEBELUM.



SELEPAS.

Oleh: AINUL WARDAH SOHILLI

BATU MAUNG – Hasil tindakan pantas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, masalah longkang tersumbat sehingga menyebabkan terjadinya banjir kilat di sekitar Persiaran Kelicap dan Jalan Dato' Ismail sejak Oktober lalu akhirnya selesai.

ADUN Batu Maung, Abdul Malik Abul Kassim berkata, masalah tersebut dapat diselesaikan ekoran rundingan yang diadakan antara pihak pemaju, penduduk dan beliau sendiri.

“Longkang yang tersumbat itu masih di bawah selenggaraan pihak pemaju dan bukannya Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

“Justeru, sebagai wakil rakyat, saya memberikan penghargaan kepada penduduk di situ kerana kesabaran mereka menghadapi masalah tersebut dengan bijaksana dan juga kepada pihak pemaju yang telah berjaya menyelesaikan dilema penduduk,” katanya di dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Dalamkan parit elak banjir kilat

SUNGAI GELUGOR –

Ekoran kejadian banjir kilat membabitkan 10 buah rumah di Kampung Sungai Gelugor baru-baru ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima telah mengambil inisiatif khas untuk mendalamkan parit dan Sungai Gelugor bagi menyelesaikan dilema tersebut.

Selain itu, kerja-kerja pembersihan sampah-sarap di muara sungai yang dikenalpasti sebagai faktor penyebab banjir kilat turut dijalankan.

Penyelesaian tersebut adalah hasil perbincangan ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer dengan pihak berwajib secara berasingan tentang banjir kilat di Sungai Gelugor membabitkan agensi-agensi yang terlibat iaitu Pejabat Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak IJM.

Dalam perkembangan lain, pembinaan dua buah dewan di Sungai Gelugor oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) merupakan satu lagi inisiatif Rayer untuk menaiktaraf kehidupan penduduk di sini.

Cadangan pembinaan dewan ini dipersetujui setelah mereka mengadakan beberapa siri rundingan dengan pihak pemaju bagi mengubah perancangan asal mereka dengan kerajaan terdahulu yang memindahkan semua nelayan dari Sungai Gelugor ke jeti di Jelutong.

Menurut Rayer, dewan di jeti tetap nelayan Sungai Gelugor

akan berfungsi sebagai tempat berkumpul, mengadakan perbincangan, perancangan, pusat penyebar amaran laut serta bagi menjalankan aktiviti berkaitan nelayan.

Manakala, Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Gelugor akan berfungsi sebagai tempat di mana JKKK mengadakan aktiviti yang membawa manfaat kepada penduduk, mengeratkan silaturrahim dan juga sebagai pusat perancangan menaiktaraf secara berperingkat.



R.S.N. Rayer membantu membersihkan rumah salah seorang penduduk di Sungai Gelugor yang dilanda banjir kilat baru-baru ini.

Forum satukan penduduk Sg. Acheh



SUNGAI ACHEH – Program Forum Perdana Hal Ehwal Islam yang diadakan berdekatan Surau Ubudiah, Tanjung Berembang di sini mendapat sambutan di luar jangka termasuk penyertaan beberapa petugas beketurunan Cina yang turut serta sepanjang program berlangsung.

Bertemakan “Masa Depan Ummah...Ada Aku Kisah?”, forum ini turut menampilkan barisan ahli-ahli panel seperti Ahli Parlimen Parit Buntar, Mujahid Yusof Rawa, Pegawai Agama Islam Daerah Kubang Pasu, Ustaz Sheikh Ahmad Faisol Omar dan Penyelaras Masjid Daerah Seberang Perai Utara, Ustaz Abu Bakar Baikalani.

Forum yang dijalankan selama tiga jam itu dihadiri lebih 600 orang. Selain itu, sembilan jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) KADUN Sungai Acheh termasuk JKKK Sungai Udang turut hadir memeriahkan acara pada malam tersebut.

Forum dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap, Makhtar Shapee. Turut hadir, Pegawai Penyelaras KADUN Sungai Acheh, Mohd. Kamil Abu Bakar.

MOHD. KAMIL ABU BAKAR (hadapan, kiri sekali) bergambar bersama para peserta Forum Perdana Hal Ehwal Islam di sini baru-baru ini.



SEKUMPULAN kanak-kanak tidak mahu ketinggalan mencuba eksperimen ringkas yang disediakan oleh penuntut Pusat Pengajian Sains Farmasi, USM bersempena penganjuran PKMS di sini baru-baru ini.

Khatan Perdana kumpul 120 kanak-kanak Penaga



SEBAHAGIAN kanak-kanak yang menyertai Program Khatan Perdana menanti dengan penuh debar saat untuk dikhatangkan.

PENAGA – Pusat Khidmat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) KADUN Penaga telah menganjurkan Program Khatan Perdana 2011 Peringkat Parliment Kepala Batas di sini baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras KADUN Penaga, Rosidi Hussain berkata, program yang bertempat di Dewan Banjir Rantau Panjang itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan beliau bercadang untuk menjadikan program tersebut sebagai program tahunan bagi Parliment Kepala Batas.

“Alhamdulillah, sambutan sangat menggalakkan. Semangat gotong-royong dan kerjasama yang ditonjolkan sangat memberangsangkan dan alhamdulillah inilah yang saya harapkan.”

“Pada masa sama, ucapan terima kasih juga kepada Ketua Menteri yang telah menaja program ini,” katanya ketika merasmikan di sini baru-baru ini.

Program yang disertai lebih 120 kanak-kanak ini turut melibatkan lima pasukan paramedik yang diketuai oleh Hasbullah Abu Hassan dan Dr. Hassan Ahmad. Dianggarkan sejumlah 500 individu turut sama dalam majlis yang julung kalinya diadakan di Parliment Kepala Batas tersebut.

Selain itu, dalam majlis yang sama, penyerahan cek zakat kepada penduduk di KADUN Penaga yang daif turut diadakan. Majlis dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah Pusat Urusan Zakat Negeri Pulau Pinang, Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Sambutan Meriah PKMS Galakan Gaya Hidup Sihat

PULAU BETONG – ‘Ke Arah Gaya Hidup Sihat’ menjadi tema penganjuran Program Khidmat Masyarakat Sejahtera (PKMS) Peringkat KADUN Pulau Betong kali ini ternyata memberi impak yang menarik buat penduduk sekitarnya.

PKMS yang merupakan anjuran Pejabat Penyelaras KADUN Pulau Betong bersama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Titi Teras, Team COMBI Titi Teras, Penang Family Health Development

Association (PFHDA), Jawatankuasa Qaryah Masjid An-Nur, Rukun Tetangga Titi Teras, Perpustakaan Desa Titi Teras dan Pusat Pengajian Sains Farmasi, Universiti Sains Malaysia (USM) telah menarik lebih 500 pengunjung tempatan.

“Alhamdulillah, sambutan yang diberikan sangat menggalakkan,” ujar Pegawai Penyelaras KADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail yang turut merasmikan PKMS di sini baru-baru ini.

Menurut Tuah, selain mengadakan pelbagai pertandingan buat semua lapisan usia, PKMS juga turut mendapat kerjasama dari Pejabat Kesihatan Daerah untuk mengadakan pemeriksaan kesihatan percuma termasuk pemeriksaan tekanan darah, kencing manis, ‘Pap Smear’ dan ujian saringan kanser payudara.

“Bersesuaian dengan tema yang dipilih, kita mahu penduduk di Pulau Betong ni, sihat dan sentiasa berada dalam keadaan yang produktif,” ujar Tuah.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian sumbangan beras kepada 60 individu yang terdiri dari warga emas dan ibu tunggal serta penyampaian sumbangan pakaian persekolahan tajaan MMK Penerangan Pejabat Ketua Menteri dan Hotel Sunway kepada 100 murid sekolah sekitar KADUN Pulau Betong.

Selain itu, penyampaian dua unit mesin jahit sumbangan Hotel Sunway turut disampaikan kepada JKKK Wanita Titi Teras. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Negeri turut tidak ketinggalan menyampaikan 300 unit ‘goody bag’ buat pengunjung PKMS.



KAKITANGAN PTD SPU dan belia tempatan beradu tenaga dalam acara tarik tali.



Kemeriah persembahan nasyid oleh adik-adik Sekolah Agama Rakyat.

Kerajaan Pakatan Rakyat P. Pinang Bajet Berjiwa Rakyat 3M 2012

Martabatkan Rakyat, Mesra Perniagaan, Mantapkan Kedudukan Kewangan

Kurangkan Hutang Negeri



Mac 2008: RM630 juta
Sept 2011: RM29 juta

Pengurangan RM600 juta atau 95% dalam 3½ tahun, terbaik di Malaysia

Pelajar Emas & IPTA Emas



RM100 setahun untuk pelajar emas di sekolah Tahun 1 & 4 dan Tingkatan 1 & 4

RM1,000 'one-off' kepada mahasiswa/ mahasiswi IPTA, jika pendapatan keluarga kurang daripada RM4,000 sebulan

Membasmi Kemiskinan Tegar



Negeri pertama di Malaysia yang berjaya membasmi kemiskinan tegar

Pedapatan minima ditambah kepada RM600 untuk memastikan setiap keluarga dapat RM600 sebulan

Sasaran menghapuskan kemiskinan menjelang 2015

Bantuan Pendidikan



RM12 juta setahun untuk sekolah-sekolah bantuan modal termasuk Sekolah Agama Rakyat (SAR), sekolah-sekolah Cina, Tamil dan Mualigh

Menjaga Kebajikan Rakyat



- RM100 setahun untuk warga emas
- RM100 setahun untuk OKU
- RM100 setahun untuk ibu tunggal
- RM1000 'one-off' untuk waris bagi urusan jenazah

Menjunjung Islam Sebagai Agama Rasmi



RM64 juta

- Tanah untuk pembesaran perkuburan Islam dan pembangunan Sekolah Agama Rakyat
- Elaun Pegawai Masjid, Guru Kafa dan para Huffaz
- Sumbangan Ehya' Ramadhan
- Program-program kebesaran Islam

Penghargaan Anak Emas



RM200 'one-off' kepada semua anak kelahiran pemilih Pulau Pinang mulai 1hb Januari 2011

Bajet PR 3M: Bukan Bajet Pilihanraya kerana Bantuan Diberikan Setiap Tahun, Bukananya 5 tahun sekali!

Mengutamakan Kesihatan Rakyat



Menubuhkan Pusat Dialisis CAT dengan harga subsidi RM30 bagi setiap rawatan dialisis di Balik Pulau

Perumahan Berkualiti & Mampu Milik Untuk Rakyat



RM17.6 juta untuk mengganti lif, paip air, kabel elektrik dan lampu di rumah pangsa Kerajaan Negeri, serta pembinaan rumah rakyat termiskin

Pembinaan rumah mampu milik berkualiti di tanah seluas 200 ekar di Batu Kawan yang bernilai di antara RM 72,500 - RM 220,000

Menghargai Jasa Pekerja PBT



Elaun tambahan khas RM150 sebulan kepada pasukan penguatkuasa dan pekerja am MPPP & MPSP

Pengurusan Kewangan Yang Cekap



Lebihan Belanjawan (surplus) setiap tahun sejak mengambil alih pentadbiran pada tahun 2008

Menyelamatkan MPSP yang hampir bankrap setelah pembaziran dan penyelewengan RM230 juta oleh BN

Pencapaian Pulau Pinang Diiktiraf Antarabangsa



Pelaburan tertinggi di Malaysia pada tahun 2010 dengan RM12.2 bilion, menyumbang 36% daripada pelaburan asing (FDI) negara

Kejayaan Pulau Pinang diperakui dan diiktiraf majalah ekonomi antarabangsa *The Economist* dan agensi berita *Bloomberg*

Bonus CAT

Bonus akhir tahun setengah bulan gaji atau bayaran minima RM800

Sumbangan RM300 kepada guru KAFA

